SONY®

# Panduan pengguna

## Xperia™ acro S

LT26w

# Kandungan


Xperia™ acro S Panduan pengguna....6
Langkah permulaan....7
- Android™ – apa dan mengapa?....7
- Gambaran keseluruhan....7
- Pemasangan....8
- Menghidupkan dan mematikan peranti ....9
- Kunci skrin....10
- Panduan persediaan....10
- Akaun dan perkhidmatan....11

Mengetahui peranti anda....12
- Menggunakan kekunci....12
- Bateri....12
- Menggunakan skrin sentuh....14
- Menggunakan kunci skrin....16
- Skrin Utama....17
- Mengakses dan menggunakan aplikasi....20
- Status dan pemberitahuan....22
- Menu tetapan....24
- Menaip teks....24
- Menyuaikan peranti anda....29
- Meningkatkan output bunyi....31
- Ingatan....32
- Menggunakan headset ....33
- Tetapan Internet dan pemesejan....33
- Mengawal penggunaan data....34
- Tetapan rangkaian mudah alih....35

Google Play™....37
- Bermula dengan Google Play™....37
- Memuat turun dari Google Play™....37
- Mengosongkan data aplikasi anda....37
- Kebenaran....38
- Memasang aplikasi yang bukan dari Google Play™ ....38

Menghubungi....39
- Panggilan kecemasan....39
- Pengendalian panggilan....39
- Mel suara....41
- Berbilang panggilan....41
- Panggilan sidang....41
- Tetapan panggilan....42




Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

Kenalan ....................................................................................44
Mengenai Kenalan ....................................................................................44
Memindahkan kenalan ke peranti baru anda....................................44
Gambaran keseluruhan skrin Kenalan ............................................46
Mengurus kenalan anda....................................................................46
Berkomunikasi dengan kenalan anda..............................................48
Berkongsi kenalan anda....................................................................48
Menyandarkan kenalan......................................................................49

Permesejan..........................................................................................50
Menggunakan teks dan pemesejan multimedia................................50
Pilihan mesej teks dan mesej multimedia..........................................51
Google Talk™ ......................................................................................52

E-mel......................................................................................................53
Bermula dengan E-mel........................................................................53
Menggunakan e-mel............................................................................54

Aplikasi "WALKMAN" ............................................................................57
Mengenai aplikasi "WALKMAN"..........................................................57
Memindahkan fail media kepada peranti anda ..................................57
Menggunakan aplikasi "WALKMAN" ..................................................58
Petampak ............................................................................................59
Mendapatkan maklumat lanjut mengenai trek atau artis....................59
Menggunakan Muzik saya untuk mengatur trek anda ......................59
Menguruskan senarai main..................................................................61
Widget aplikasi "WALKMAN" ..............................................................62
Melindungi pendengaran anda............................................................62

Perkhidmatan muzik..............................................................................63
Teknologi TrackID™................................................................................63
Music Unlimited™....................................................................................64
Perihal perkhidmatan PlayNow™..........................................................64

Radio FM................................................................................................66
Mengenai radio FM..................................................................................66
Menggunakan saluran radio kegemaran anda....................................67
Tetapan bunyi..........................................................................................67
Mengenal pasti trek radio menggunakan TrackID™............................68

Kamera....................................................................................................69
Mengenai kamera....................................................................................69
Menggunakan kamera pegun..................................................................69
Menambah kedudukan geografi kepada foto anda..............................70
Menggunakan tetapan kamera pegun....................................................70
Menggunakan kamera video..................................................................74

Album......................................................................................................78
Perihal Album..........................................................................................78



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

Mobile BRAVIA® Engine....78
Melihat foto dan video dalam tab Gambar ....78
Melihat foto dan video dalam tab Album saya ....79
Melihat foto anda pada peta....83
Melihat album dalam talian....84
## Filem....86
Mengenai Filem....86
Menggunakan Wayang....86
## Video Unlimited™....88
Mengenai Video Unlimited™....88
Menyewa atau membeli video....88
Menonton video daripada Video Unlimited™....89
## Penyemak imbas web....90
Perihal penyemak imbas web....90
## Kesambungan....91
Menyambung ke rangkaian wayarles....91
Berkongsi kandungan dengan peranti yang DLNA Certified™....94
NFC....97
Teknologi wayarles Bluetooth™....99
Menyambungkan peranti anda ke komputer....101
Menyambung telefon anda ke set TV....104
Mengimbas kod bar dengan aplikasi NeoReader™....104
Sambung Pintar....105
## Menyelaraskan data pada peranti anda....107
Perihal menyelaraskan data pada peranti anda....107
Menyelaras dengan Google™....107
Menyelaras e-mel korporat, kalendar dan kenalan anda....107
Menyelaras dengan Facebook™....108
## Peta dan lokasi....110
Mengenai perkhidmatan lokasi....110
Menggunakan GPS....110
Google Maps™....111
Menggunakan Google Maps™ untuk mendapatkan arah....111
## Kalendar dan jam penggera....112
Kalendar....112
Jam penggera....112
## Sokongan dan penyelenggaraan....115
Mengemas kini peranti anda....115
Aplikasi Sandaran dan pemulihan....116
Menetapkan semula peranti anda....118
Mengunci dan melindungi peranti anda....118



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

Mencari peranti anda....................................................................120
Aplikasi sokongan........................................................................121
Mengitar semula peranti anda......................................................121
Rujukan........................................................................................122
Gambaran keseluruhan tetapan....................................................122
Status dan gambaran keseluruhan ikon pemberitahuan..................123
Gambaran keseluruhan aplikasi....................................................124
Maklumat penting.........................................................................126
Risalah maklumat penting............................................................126
Pengehadan kepada perkhidmatan dan ciri....................................126
Tahan air......................................................................................126
Maklumat undang-undang............................................................127
Indeks..........................................................................................129



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Xperia™ acro S Panduan pengguna






Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Langkah permulaan

## Android™ – apa dan mengapa?

Xperia™ anda dari Sony dijalankan pada platform Android. Peranti Android boleh melaksanakan banyak fungsi yang sama seperti komputer dan anda boleh menyuaikannya kepada keperluan anda sendiri. Sebagai contoh, anda boleh menambah dan memadamkan aplikasi atau mempertingkatkannya untuk memperbaik kefungsiannya. Anda boleh memuat turun pelbagai aplikasi dan permainan pada Google Play™ dari koleksi yang sentiasa berkembang. Anda juga boleh menyepadukan aplikasi pada peranti Android™ anda dengan aplikasi lain dan dengan perkhidmatan dalam talian yang anda gunakan. Sebagai contoh, anda boleh membuat sandaran kenalan anda, mengakses pelbagai akaun e-mel dan kalendar anda dari satu tempat, mengetahui janji temu anda dan melibatkan diri dalam rangkaian sosial.

Peranti Android™ sentiasa berkembang. Apabila versi perisian baru tersedia dan peranti anda menyokong perisian baru ini, anda boleh mengemas kini peranti anda untuk mendapatkan ciri-ciri baru dan peningkatan yang terkini.

Peranti Android™ anda telah dipramuatkan dengan perkhidmatan Google™. Untuk mendapat sepenuh manfaat daripada perkhidmatan Google™ yang disediakan, anda hendaklah membuat akaun Google™ dan mendaftar masuk apabila anda memulakan peranti anda buat kali pertamanya. Anda juga perlu mempunyai akses Internet untuk menggunakan banyak ciri dalam Android™.

! Keluaran perisian baru mungkin tidak serasi dengan semua peranti.

## Gambaran keseluruhan




| | |
|---|---|
| 1 | LED Pemberitahuan |
| 2 | Penyambung untuk pengecas/kabel USB |
| 3 | Sensor kehampiran |
| 4 | Penderia cahaya |
| 5 | Penyambung headset |
| 6 | Speaker telinga |
| 7 | Penyambung HDMI™ |
| 8 | Lensa kamera depan |
| 9 | Kekunci kuasa |
| 10 | Kekunci Kelantangan/Zum |
| 11 | Kekunci kamera |



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

| | |
|---|---|
| 12 | Kekunci menu |
| 13 | Mikrofon utama |
| 14 | Kekunci utama |
| 15 | Kekunci Balik |
| 16 | Skrin sentuh |




| | |
|---|---|
| 17 | Speaker |
| 18 | Lensa kamera |
| 19 | Mikrofon kedua |
| 20 | Slot kad microSD™ |
| 21 | Slot kad SIM |
| 22 | Penyambung untuk Dok Pengecasan |
| 23 | Lubang tali |
| 24 | Lampu LED kamera |
| 25 | Kawasan pengesanan NFC™ |

# Pemasangan

## Untuk memasukkan kad SIM

! Jangan masukkan kad SIM yang tidak serasi, sebagai contoh, kad SIM mikro, ke dalam slot kad SIM. Melakukannya boleh merosakkan kad SIM anda atau peranti anda secara kekal.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.




1 Masukkan kuku jari ke dalam ruang antara penutup slot kad SIM dan sisi peranti, kemudian tanggalkan penutupnya.
2 Dengan menggunakan kuku jari, tarik keluar pemegang kad SIM .
3 Masukkan Kad SIM pada pemegang, dengan sesentuh emasnya menghala ke bawah.
4 Masukkan pemegang kad SIM kembali ke dalam peranti.
5 Sambung semula penutup slot kad SIM .

### Untuk memasukkan kad ingatan



1 Masukkan kuku jari ke dalam ruang antara penutup slot kad ingatan dan sisi peranti, kemudian tanggalkan penutupnya dari slot.
2 Masukkan kad ingatan ke dalam slot kad ingatan, dengan sesentuh emas menghala ke atas.
3 Tolak lagi kad ingatan ke dalam slot sehingga anda terdengar bunyi terkunci.
4 Pasang semula penutup slot kad ingatan.

! Kad ingatan mungkin tidak disertakan dengan pembelian dalam semua pasaran.

## Menghidupkan dan mematikan peranti

### Untuk menghidupkan peranti

! Pastikan bateri dicas selama sekurang-kurangnya 30 minit sebelum anda menghidupkan peranti untuk pertama kalinya.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.




1 Tekan dan tahan kekunci kuasa ⓘ sehingga peranti bergetar.
2 Jika skrin anda menjadi gelap, tekan kekunci kuasa sebentar ⓘ untuk mengaktifkan skrin.
3 Untuk membuka kunci skrin, seret ︿ ke atas atau seret ﹀ ke bawah.
4 Masukkan PIN kad SIM anda apabila diminta kemudian pilih **OK**.
5 Tunggu sebentar sementara peranti dimulakan.

PIN kad SIM anda pada mulanya dibekalkan oleh pengendali rangkaian anda, tetapi anda boleh menukarnya kemudian daripada menu **Tetapan**. Untuk membetulkan kesalahan semasa memasukkan PIN kad SIM anda, ketik ⌫.

### Untuk mematikan peranti

1 Tekan dan tahan kekunci kuasa ⓘ sehingga menu pilihan dibuka.
2 Dalam menu pilihan, ketik **Matikan kuasa**.
3 Ketik **OK**.

! Sedikit masa diperlukan untuk peranti ditutup.

### Untuk memaksa peranti agar dimatikan

1 Tekan dan tahan kedua-dua kekunci tambah kelantangan dan kekunci kuasa ⓘ selama 10 saat.
2 Selepas peranti anda bergetar tiga kali, lepaskan kekunci. Peranti dimatikan secara automatik.

## Kunci skrin

Apabila peranti anda dihidupkan dan dibiarkan melahu untuk satu set masa, skrin menjadi gelap untuk menjimatkan kuasa bateri dan mengunci secara automatik. Kunci ini menghalang tindakan tidak diingini pada skrin sentuh semasa anda tidak menggunakannya. Pada skrin kunci, anda masih boleh mengambil foto dan memainkan trek audio.

### Untuk mengaktifkan skrin

- Tekan kekunci dengan sekejap ⓘ.

### Untuk membuka kunci skrin



- Seret ︿ ke atas atau seret ﹀ ke bawah.

### Untuk mengunci skrin secara manual

- Apabila skrin aktif, tekan kekunci kuasa ⓘ sebentar.

## Panduan persediaan

Kali pertama anda memulakan peranti anda, panduan persediaan dibuka bagi menerangkan fungsi asas dan membantu anda memasukkan tetapan penting. Ini merupakan masa yang baik untuk menyelaraskan peranti mengikut keperluan khusus anda. Anda juga boleh mengakses panduan persediaan kemudian dari menu tetapan.

### Untuk mengakses wizard persediaan secara manual

1 Dari **Skrin Utama**, ketik ▦.
2 Ketik **Tetapan** > **Panduan persediaan**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Akaun dan perkhidmatan

Daftar masuk ke akaun khidmat dalam talian anda daripada peranti anda untuk mendapatkan akses mudah semasa anda sedang dalam perjalanan. Contohnya, anda boleh menyepadukan kenalan dari akaun Google™ anda ke dalam Kenalan anda supaya anda mempunyai semuanya di satu tempat. Anda boleh mendaftar ke khidmat dalam talian baru dari peranti anda serta dari komputer.

### Akaun Google™

Mempunyai akaun Google™ ialah perkara penting untuk menggunakan rangkaian aplikasi dan perkhidmatan dengan peranti Android anda. Anda memerlukan akaun Google™, contohnya, untuk menggunakan aplikasi **Gmail™** dalam peranti anda, untuk berbual dengan rakan menggunakan Google Talk™ dan untuk menyelaraskan aplikasi kalendar pada peranti anda dengan Google Calendar™ anda. Anda juga memerlukan akaun Google™ untuk memuat turun aplikasi dan permainan, muzik, filem dan buku dari Google Play™.

### Akaun Microsoft® Exchange ActiveSync®

Selaraskan peranti anda dengan akaun korporat Microsoft® Exchange ActiveSync® anda. Dengan cara ini, anda menyimpan e-mel kerja, kenalan dan acara kalendar bersama anda pada setiap masa.

### Akaun Facebook™

Facebook™ adalah perkhidmatan rangkaian sosial yang menghubungkan anda dengan rakan, keluarga dan rakan sekerja anda di seluruh dunia. Sediakan Facebook untuk berfungsi pada peranti anda supaya anda boleh kekal berhubung dari mana-mana.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Mengetahui peranti anda

## Menggunakan kekunci




| | |
|---|---|
| ⮌ | Ke belakang<br>• Pergi ke belakang ke skrin sebelumnya<br>• Tutup pad kekunci atas skrin, kotak dialog, menu pilihan, atau panel Pemberitahuan |
| ⌂ | Skrin Utama<br>• Pergi ke **Skrin Utama**<br>• Tekan dan tahan untuk membuka tetingkap yang menunjukkan aplikasi terbaru yang anda gunakan |
| ≣ | Menu<br>• Buka senarai pilihan yang tersedia dalam skrin atau aplikasi semasa |

## Bateri

Peranti anda mempunyai bateri dibenam.

### Mengecas bateri

Bateri anda tidak dicas sepenuhnya semasa anda membeli peranti tersebut. Ia boleh mengambil masa beberapa minit sebelum ikon bateri kelihatan pada skrin semasa anda menyambungkan kabel pengecas ke sumber kuasa seperti port USB atau pengecas. Anda masih boleh menggunakan peranti anda semasa ia sedang dicas. Mengecas peranti anda dalam tempoh yang lama, contohnya, semalaman, tidak merosakkan bateri atau peranti.

! Bateri akan mula menyahcas sedikit setelah ia dicas sepenuhnya dan kemudian mengecas semula selepas masa tertentu apabila pengecas telefon disambungkan. Ini adalah bagi memanjangkan hayat bateri dan boleh mengakibatkan status pengecasan menunjukkan tahap bawah 100 peratus.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk mengecas peranti anda




1 Pasangkan palam pengecas ke dalam salur keluar kuasa.
2 Pasangkan satu hujung kabel USB ke dalam pengecas (atau ke dalam port USB komputer).
3 Pasangkan satu lagi hujung kabel ke dalam port USB mikro pada peranti anda, dengan simbol USB menghadap ke atas. LED status bateri menyala semasa pengecasan bermula.
4 Apabila LED status bateri berwarna hijau, peranti telah dicas sepenuhnya. Tanggalkan kabel USB dari peranti anda dengan menariknya keluar. Pastikan penyambung tidak dibengkokkan semasa mencabut kabel dari peranti.

Sekiranya bateri telah dinyahcas sepenuhnya, lampu LED boleh mengambil masa beberapa minit untuk menyala selepas anda menyambungkan kabel pengecas ke sumber kuasa.

## Status bateri LED

| | |
|---|---|
| Hijau | Bateri telah dicas sepenuhnya |
| Merah | Paras tenaga bateri rendah |
| Jingga | Bateri sedang mengecas. Paras tenaga bateri berada antara rendah dan penuh |

### Untuk menyemak paras bateri

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2 Cari dan ketik **Tetapan** > **Mengenai telefon** > **Status** > **Paras bateri**.

## Meningkatkan prestasi bateri

Petua yang berikut dapat membantu anda meningkatkan prestasi bateri anda:

- Cas peranti anda dengan kerap. Ia tidak akan menjejaskan jangka hayat bateri.
- Memuat turun data dari Internet menggunakan kuasa. Apabila anda tidak menggunakan Internet, anda boleh menjimatkan kuasa dengan menyahdayakan semua sambungan data melalui rangkaian mudah alih. Tetapan ini tidak menghalang peranti anda daripada memindahkan data melalui rangkaian wayarles lain.
- Matikan GPS, Bluetooth™ dan Wi-Fi® semasa anda tidak memerlukan ciri ini. Anda boleh menghidupkannya dan mematikannya dengan mudah dengan menambah widget tetapan Pantas pada **Skrin Utama** anda. Anda tidak perlu mematikan 3G.
- Gunakan tetapan **Mod Tunggu Sedia Lanjutan** untuk meminimumkan penggunaan bateri semasa skrin tidak aktif.
- Tetapkan aplikasi penyelarasan anda (digunakan untuk menyelaras e-mel, kalendar dan kenalan anda) untuk diselaras secara manual. Anda juga boleh menyelaraskan secara automatik, tetapi, meningkatkan jarak waktu penyelarasan.
- Semak menu penggunaan bateri dalam peranti anda untuk melihat aplikasi mana menggunakan paling banyak kuasa. Bateri anda menggunakan lebih banyak kuasa semasa anda menggunakan aplikasi penstriman video dan muzik, seperti YouTube™.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

Sesetengah aplikasi yang dimuat turun dari Google Play™ juga mungkin menggunakan lebih banyak kuasa.

- Tutup dan keluar dari aplikasi yang anda tidak gunakan.
- Rendahkan tahap kecerahan paparan skrin.
- Matikan peranti anda atau aktifkan tetapan **Mod pesawat** jika anda berada dalam kawasan yang tiada liputan rangkaian. Jika tidak, peranti anda berulang kali mengimbas rangkaian tersedia dan hal ini menggunakan kuasa.
- Gunakan peranti bebas tangan asal Sony untuk mendengar muzik. Peranti bebas tangan memerlukan kuasa bateri yang lebih rendah daripada pembesar suara peranti anda.
- Jika boleh, pastikan peranti anda sentiasa dalam mod bersedia. Masa bersedia merujuk pada masa sewaktu peranti disambungkan ke rangkaian dan tidak digunakan.
- Nyahdayakan mana-mana hias latar hidup.

### Untuk mengakses menu penggunaan bateri

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan** > **Pengurusan kuasa** > **Bateri** untuk melihat aplikasi terpasang mana yang menggunakan paling banyak kuasa bateri.

### Untuk menambah widget trafik Data pada Skrin utama anda

1. Ketik dan tahan bahagian kosong **Skrin Utama** anda.
2. Ketik **Widget** > **Alatan**.
3. Ketik dan tahan widget **Data mudah alih**, kemudian seretnya ke bahagian kosong pada Skrin utama anda.

### Untuk menambah widget tetapan Pantas ke skrin Utama anda

1. Ketik dan tahan bahagian kosong **Skrin Utama** anda.
2. Ketik **Widget** > **Alatan**.
3. Ketik dan tahan widget **Tetapan pantas**, kemudian seretnya ke bahagian kosong pada **Skrin Utama** anda.

## Mengurangkan penggunaan bateri dengan Mod Bersedia Lanjutan

Gunakan Mod Bersedia Lanjutan untuk menjadikan bateri anda tahan lebih lama. Untuk menjimatkan kuasa, sambungan Wi-Fi® anda, trafik data dan aplikasi yang tidak digunakan dijeda semasa peranti anda berada dalam mod bersedia. Anda masih boleh menerima panggilan telefon serta mesej teks dan multimedia. Selepas skrin menjadi aktif semula, telefon anda keluar daripada mod bersedia dan semua fungsi yang dijeda disambung semula.

### Untuk mengaktifkan mod tunggu sedia lanjutan

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Pengurusan kuasa**.
3. Tandakan kotak semakan **Mod Tunggu Sedia Lanjutan**, kemudian, ketik **Aktifkan**.

### Untuk menyahaktifkan mod tunggu sedia lanjutan

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan** > **Pengurusan kuasa**, kemudian nyahtandakan kotak semak **Mod Tunggu Sedia Lanjutan**.

## Menggunakan skrin sentuh

Suatu lapisan pelindung plastik telah dilekatkan pada skrin peranti anda semasa anda membelinya. Anda boleh menanggalkan lapisan ini sebelum menggunakan skrin sentuh. Jika tidak, skrin sentuh mungkin tidak berfungsi dengan betul.

Apabila peranti anda dihidupkan dan dibiarkan melahu untuk satu set masa, skrin menjadi gelap untuk menjimatkan kuasa bateri dan mengunci secara automatik. Kunci ini menghalang tindakan tidak diingini pada skrin sentuh semasa anda tidak menggunakannya. Anda juga boleh menetapkan kunci peribadi untuk melindungi



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

langganan anda dan memastikan hanya anda sahaja yang boleh mengakses kandungan pada peranti anda.

! Skrin peranti diperbuat daripada kaca. Jangan sentuh skrin jika kaca retak atau berkecai. Elakkan daripada mencuba untuk membaiki skrin yang rosak sendiri. Skrin kaca sensitif kepada terjatuh dan kejutan mekanikal. Kes penjagaan cuai tidak diliputi oleh perkhidmatan waranti Sony.

### Untuk membuka atau menyerlahkan item

- Ketuk item.

## Pilihan menanda

| | |
|---|---|
| | Kotak semak yang ditandakan |
| | Kotak semak yang dinyahtandakan |
| | Dihidupkan |
| | Dimatikan |

### Untuk menanda atau menyahtanda pilihan

- Ketik kotak semak yang relevan atau tukar bersebelahan dengan nama pilihan.

## Mengezum

Pilihan zum yang tersedia bergantung pada aplikasi yang anda gunakan.

### Untuk mengezum




- Letakkan dua jari pada skrin serentak dan cubitnya bersama (untuk mengezum keluar) atau kembangkan dua jari (untuk mengezum masuk).

Apabila anda menggunakan dua jari pada skrin untuk mengezum, ia hanya boleh mengezum jika kedua-dua jari berada dalam kawasan boleh dizum. Jika anda, contohnya, ingin mengezum masuk pada foto, pastikan kedua-dua jari berada dalam kawasan bingkai foto.

## Penatalan

Tatal dengan mengalihkan jari anda ke atas atau ke bawah pada skrin. Pada laman web anda juga boleh menatal ke sisi.

! Menyeret atau menukar tidak akan mengaktifkan apa-apa pada skrin.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk menatal




- Seret atau kuis jari anda dalam arah yang anda hendak tatal pada skrin.

Untuk menatal dengan lebih cepat, kuis jari anda dalam arah yang anda hendak pergi pada skrin.

### Untuk menguis




- Untuk menatal dengan lebih cepat, kuis jari anda dalam arah yang anda hendak pergi pada skrin. Anda boleh menunggu penatalan berhenti dengan sendiri, atau atau anda boleh menghentikannya segera dengan mengetuk skrin.

## Sensor

Peranti anda mempunyai sensor yang mengesan cahaya dan kehampiran. Sensor cahaya mengesan aras cahaya ambien dan melaraskan kecerahan skrin sewajarnya. Sensor kehampiran mematikan skrin sentuh semasa panggilan suara apabila telinga anda berada dekat dengan skrin. Ini menghalang anda daripada mengaktifkan fungsi lain pada peranti anda secara tidak sengaja semasa anda sedang menjawab panggilan.

# Menggunakan kunci skrin

Pada skrin kunci, anda boleh memainkan trek, mengambil foto dan merakam video tanpa membuka kunci skrin.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk mengambil foto daripada skrin kunci



1 Untuk mengaktifkan skrin, tekan sebentar kekunci kuasa .
2 Untuk mengaktifkan kawalan kamera, seret  ke kiri merentasi skrin.
3 Ketik .

### Untuk memainkan trek audio daripada kunci skrin



1 Untuk mengaktifkan skrin, tekan sebentar kekunci kuasa .
2 Untuk memaparkan kawalan pemain muzik, seret  ke kanan merentasi skrin.
3 Ketik .

### Untuk menjeda trek audio dari skrin kunci

1 Untuk mengaktifkan skrin, tekan sebentar kekunci kuasa .
2 Apabila kawalan pemain muzik kelihatan, ketik .

### Untuk menukar trek audio yang sedang dimainkan dari skrin kunci

1 Untuk mengaktifkan skrin, tekan sebentar kekunci kuasa .
2 Apabila kawalan pemain muzik kelihatan, ketik  atau .

## Skrin Utama

Skrin utama merupakan pintu anda kepada ciri utama pada peranti anda. Anda boleh menyesuaikan **Skrin Utama** anda dengan widget, jalan pintas, folder, tema, hias latar dan item lain.

**Skrin Utama** melebihi lebar paparan skrin biasa, jadi anda perlu menguis ke kiri atau ke kanan untuk melihat kandungan dalam semua anak tetingkap Skrin Utama.  menunjukkan lokasi anda pada bahagian **Skrin Utama**. Anda boleh menetapkan anak tetingkap sebagai anak tetingkap Skrin Utama dan menambahkan serta memadamkan anak tetingkap.




Item dalam bar di bahagian bawah skrin sentiasa tersedia untuk akses pantas.

### Untuk pergi ke skrin Utama

- Tekan .



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk menyemak imbas skrin Utama

- Kuis ke kanan atau kiri.

### Untuk menetapkan anak tetingkap sebagai anak tetingkap utama Skrin utama



1 Sentuh terus bahagian kosong pada **Skrin Utama** anda sehingga peranti bergetar.
2 Kuis ke kiri atau kanan untuk menyemak imbas anak tetingkap yang ingin anda tetapkan sebagai anak tetingkap utama Skrin utama, kemudian ketik .

### Untuk menambah anak tetingkap pada Skrin utama anda

1 Sentuh terus bahagian kosong pada **Skrin Utama** anda sehingga peranti bergetar.
2 Kuis ke kiri atau kanan untuk menyemak imbas anak tetingkap, kemudian ketik .

### Untuk memadam anak tetingkap dari Skrin utama anda

1 Sentuh terus bahagian kosong pada **Skrin Utama** anda sehingga peranti bergetar.
2 Kuis ke kiri atau kanan untuk menyemak imbas anak tetingkap yang ingin anda padamkan, kemudian ketik .

## Widget

Widget adalah aplikasi kecil yang anda boleh gunakan secara terus pada **Skrin Utama** anda. Contohnya, widget "WALKMAN" membolehkan anda terus memainkan muzik.

Sesetengah widget boleh disaiz semula, maka anda boleh mengembangkannya untuk melihat lebih banyak kandungan atau mengecilkannya untuk menjimatkan ruang pada **Skrin Utama** anda.

### Untuk menambah widget ke Skrin utama

1 Sentuh terus kawasan kosong pada **Skrin Utama** anda sehingga peranti bergetar, kemudian ketik **Widget**.
2 Cari dan ketik widget yang anda ingin tambah.

### Untuk mensaiz semula widget

1 Sentuh terus widget sehingga ia menjadi besar dan peranti bergetar, kemudian lepaskan widget. Jika widget boleh disaiz semula, contohnya, widget Kalendar maka bingkai yang diserlahkan dan titik saiz semula kelihatan.
2 Seret titik ke dalam atau keluar untuk mengecilkan atau mengembang widget.
3 Untuk mengesahkan saiz baru widget, ketik di mana-mana pada **Skrin Utama**.

## Mengatur semula skrin Utama anda

Suaikan penampilan Skrin utama anda dan tukar ciri-ciri yang boleh anda akses darinya. Tukar latar belakang skrin, alihkan item, wujudkan folder dan tambah jalan pintas dan widget.

## Pilihan penyuaian

Apabila anda menyentuh terus pada bahagian kosong Skrin utama anda, pilihan penyuaian berikut akan kelihatan:



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

| | |
|---|---|
| | Tambah widget pada Skrin utama anda. |
| | Tambah aplikasi dan jalan pintas. |
| | Tetapkan hias latar untuk Skrin utama anda. |
| | Tetapkan tema latar belakang. |

### Untuk melihat pilihan penyuaian daripada Skrin utama

- Sentuh terus bahagian kosong pada **Skrin Utama** anda sehingga peranti bergetar dan pilihan penyuaian kelihatan di bahagian bawah skrin.

### Untuk menambah jalan pintas pada Skrin utama anda

1. Sentuh terus bahagian kosong pada **Skrin Utama** anda sehingga peranti bergetar.
2. Ketik **Aplikasi** > **Jalan pintas**.
3. Pilih jalan pintas.

Anda boleh menambah jalan pintas aplikasi terus dari skrin Aplikasi dengan menyentuh terus aplikasi tersebut.

### Untuk memindahkan item pada skrin Utama

- Sentuh terus item sehingga ia menjadi besar dan peranti bergetar, kemudian seret item ke lokasi baru.

### Untuk memadam item dari Skrin utama

- Sentuh terus item sehingga ia menjadi besar dan peranti bergetar, kemudian seret item ke .

### Untuk membuat folder pada Skrin utama

1. Sentuh terus ikon aplikasi atau jalan pintas sehingga ia membesar dan peranti bergetar, kemudian seret dan lepaskannya di bahagian atas ikon aplikasi lain atau jalan pintas.
2. Masukkan nama untuk folder dan ketik **Selesai**.

### Untuk menambah item pada folder pada Skrin utama

- Sentuh terus item sehingga ia menjadi besar dan peranti bergetar, kemudian seret item ke folder.

### Untuk menamakan semula folder pada Skrin utama

1. Ketik folder untuk membukanya.
2. Ketik bar tajuk folder untuk menunjukkan medan **Nama folder**.
3. Masukkan nama folder baru dan ketik **Selesai**.

## Menukar latar belakang skrin Utama anda

Sesuaikan **Skrin Utama** mengikut gaya anda tersendiri menggunakan hias latar dan tema berbeza.

### Untuk menukar hias latar Skrin Utama anda

1. Sentuh terus pada bahagian kosong pada **Skrin Utama** anda sehingga peranti bergetar.
2. Ketik **Hias latar** dan buat pilihan.

### Untuk menetapkan tema untuk Skrin utama anda

1. Sentuh terus bahagian kosong pada **Skrin Utama** anda sehingga peranti bergetar.
2. Ketik **Tema**, kemudian pilih tema.

! Apabila anda menukar tema, latar belakang turut bertukar dalam sesetengah aplikasi.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Mengakses dan menggunakan aplikasi

Buka aplikasi dari jalan pintas pada **Skrin Utama** anda atau dari skrin Aplikasi.

### Skrin aplikasi

Skrin aplikasi, yang anda buka dari **Skrin Utama** anda, mengandungi aplikasi yang didatangkan sedia dipasang pada peranti anda serta aplikasi yang anda muat turun.

Skrin Aplikasi melangkaui kelebaran skrin biasa, maka, anda perlu menguis ke kiri dan kanan untuk melihat semua kandungan.

#### Untuk membuka skrin Aplikasi




- Dari **Skrin Utama** anda, ketik .

#### Untuk menyemak imbas skrin Aplikasi

- Dari skrin Aplikasi, kuis ke kanan atau ke kiri.

#### Untuk membuat pintasan ke aplikasi pada Skrin utama

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Sentuh terus ikon aplikasi sehingga skrin bergetar, kemudian seret ikon ke bahagian atas skrin. **Skrin Utama** dibuka.
3. Seret ikon ke lokasi yang diinginkan pada **Skrin Utama**, kemudian lepaskan jari anda.

#### Untuk berkongsi aplikasi dari skrin Aplikasi anda

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik , kemudian ketik **Kongsi**. Semua aplikasi yang boleh dikongsi ditunjukkan oleh .
3. Ketik aplikasi yang anda mahu kongsikan, kemudian pilih pilihan dan sahkan, jika perlu. Pautan ke muat turun aplikasi dihantar kepada orang yang anda telah pilih.

### Membuka dan menutup aplikasi

#### Untuk membuka aplikasi

- Dari **Skrin Utama** anda atau skrin Aplikasi, ketik aplikasi.

#### Untuk menutup aplikasi

- Tekan .

Beberapa aplikasi dijeda apabila anda menekan  untuk keluar, sementara, aplikasi lain mungkin terus dijalankan dalam latar belakang. Dalam kes pertama, pada lain kali anda membuka aplikasi, anda boleh teruskan di mana anda tinggalkannya. Harus diingati bahawa sesetengah aplikasi mungkin dikenakan bayaran untuk sambungan dta apabila ia dijalankan di latar belakang, sebagai contoh, perkhidmatan rangkaian sosial.

### Tetingkap aplikasi yang digunakan baru-baru ini

Anda boleh menukar di antara aplikasi yang sedang digunakan dari tetingkap ini. Anda juga boleh membuka apl kecil.

#### Untuk membuka tetingkap aplikasi yang terbaru digunakan

- Tekan dan tahan  .



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Menggunakan apl kecil

Dari tetingkap aplikasi yang baru digunakan, anda boleh mendapat akses pantas kepada beberapa apl kecil pada bila-bila masa menggunakan bar apl kecil. Apl kecil hanya menggunakan bahagian kecil skrin anda. Oleh itu, anda boleh berinteraksi dengan apl kecil dan aplikasi lain pada masa yang sama pada skrin yang sama.

### Untuk membuka bar aplikasi kecil

- Tekan dan tahan ⌂. Bar aplikasi kecil kelihatan di bahagian bawah skrin.

### Untuk membuka aplikasi kecil

1. Untuk memaparkan bar aplikasi kecil, tekan dan tahan ⌂ .
2. Ketik aplikasi kecil yang anda ingin buka. Tetingkap aplikasi kecil kelihatan.

### Untuk menutup apl kecil

- Ketik ☒ pada tetingkap apl kecil.

### Untuk mengalih aplikasi kecil

- Semasa aplikasi kecil dibuka, sentuh terus penjuru kiri sebelah atas aplikasi kecil, kemudian alihkannya ke lokasi yang diinginkan.

### Untuk meminimumkan aplikasi kecil

- Semasa aplikasi kecil dibuka, sentuh terus penjuru kiri sebelah atas aplikasi kecil, kemudian seretnya ke sisi kanan atau sisi bawah skrin.

### Untuk mengatur semula aplikasi kecil anda

1. Untuk memaparkan bar aplikasi kecil, tekan dan tahan ⌂.
2. Sentuh terus aplikasi kecil dan seretkannya ke kedudukan yang diinginkan dalam bar aplikasi kecil.

### Untuk mengeluarkan aplikasi kecil daripada bar aplikasi kecil

1. Untuk memaparkan bar aplikasi kecil, tekan dan tahan ⌂.
2. Sentuh terus ikon aplikasi kecil dan seretnya jauh daripada bar aplikasi kecil.

### Untuk memulihkan aplikasi kecil yang dialih keluar sebelum ini

1. Untuk memaparkan bar aplikasi kecil, tekan dan tahan ⌂.
2. Ketik + > **Aplikasi kecil yang dipasang**.
3. Pilih aplikasi kecil yang anda ingin pulihkan.

### Untuk memuat turun aplikasi kecil

1. Untuk memaparkan bar aplikasi kecil, tekan ⌂.
2. Ketik +, kemudian ketik ▶.
3. Cari aplikasi kecil yang anda ingin muat turun, kemudian ikut arahan untuk melengkapkan pemasangan.

## Menu aplikasi

Anda boleh membuka menu pada bila-bila masa apabila anda menggunakan aplikasi. Menunya akan kelihatan berbeza bergantung pada aplikasi yang anda gunakan.

### Untuk membuka menu dalam aplikasi

- Semasa menggunakan aplikasi, tekan ☰.

! Menu tidak tersedia dalam semua aplikasi.

## Mengatur semula skrin Aplikasi anda

Pindahkan aplikasi di sekeliling skrin Aplikasi mengikut pilihan anda.

### Untuk menyusun aplikasi pada skrin Aplikasi

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦ pergi ke Skrin aplikasi.
2. Ketik senarai jatuh turun pada bahagian atas sebelah kiri skrin dan pilih pilihan.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk mengalih aplikasi pada skrin Aplikasi

1. Buka skrin Aplikasi.
2. Sentuh terus item sehingga ia menjadi besar dan peranti bergetar, kemudian seret item ke lokasi baru.

! Anda hanya boleh mengalih aplikasi anda apabila **Susunan sendiri** dipilih.

### Untuk menyahpasang aplikasi dari skrin Aplikasi

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik , kemudian ketik **Nyahpasang**. Semua aplikasi yang tidak boleh dipasangkan ditunjukkan oleh .
3. Ketik aplikasi yang anda ingin nyahpasang, kemudian ketik **Nyahpasang**.

## Status dan pemberitahuan

Bar status pada bahagian atas skrin anda menunjukkan apa yang berlaku dalam peranti anda. Di sebelah kiri, anda mendapat pemberitahuan apabila terdapat sesuatu yang baru atau sedang berjalan. Sebagai contoh, pemberitahuan mesej baru dan kalendar kelihatan di sini. Sebelah kanan menunjukkan kekuatan isyarat, status bateri dan maklumat lain.



Bar status membolehkan anda melaraskan tetapan asas pada peranti anda, contohnya, Wi-Fi®, Bluetooth™, trafik data dan bunyi. Anda juga boleh membuka menu tetapan dari panel Pemberitahuan untuk menukar tetapan lain.

Lampu pemberitahuan juga memberikan anda maklumat status bateri dan beberapa pemberitahuan lain. Sebagai contoh, lampu biru berkelip bermaksud terdapat mesej baru atau panggilan terlepas. Lampu pemberitahuan mungkin tidak berfungsi semasa paras bateri rendah.




## Memeriksa pemberitahuan dan aktiviti yang sedang dijalankan

Anda boleh menyeret ke bawah bar status untuk membuka panel Pemberitahuan dan mendapatkan maklumat lanjut. Contohnya, anda boleh menggunakan panel untuk membuka mesej baru atau melihat acara kalendar. Anda juga boleh membuka beberapa aplikasi yang dijalankan pada latar belakang, seperti pemain muzik.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk membuka panel Pemberitahuan



- Seret bar status ke bawah.

### Untuk menutup panel Pemberitahuan



- Seret tab pada bahagian bawah panel Pemberitahuan ke bahagian atas.

### Untuk membuka aplikasi yang sedang berjalan dari panel Pemberitahuan

- Ketik ikon aplikasi yang sedang berjalan untuk membukanya.

### Untuk menolak pemberitahuan dari panel Pemberitahuan

- Letakkan jari anda pada pemberitahuan dan kuis ke kiri atau kanan.

### Untuk mengosongkan panel Pemberitahuan

- Dari panel Pemberitahuan, ketik **Ksngkn**.

## Menetapkan peranti anda dari panel Pemberitahuan

Anda boleh membuka menu tetapan dari panel Pemberitahuan untuk melaraskan tetapan peranti asas. Contohnya, anda boleh menghidupkan Wi-Fi®.

### Untuk membuka menu tetapan peranti dari panel Pemberitahuan

1. Seret bar status ke bawah.
2. Ketik .

### Untuk melaraskan tetapan bunyi dari panel Pemberitahuan

1. Seret bar status ke bawah.
2. Ketik .



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk mengawal fungsi Bluetooth™ dari panel Pemberitahuan

1 Seret bar status ke bawah.
2 Ketik .

### Untuk mengawal fungsi Wi-Fi® dari panel Pemberitahuan

1 Seret bar status ke bawah.
2 Ketik .

### Untuk mendayakan atau menyahdayakan trafik data dari panel Pemberitahuan

1 Seret bar status ke bawah.
2 Ketik .

# Menu tetapan

Lihat dan tukar tetapan untuk peranti anda dari menu Tetapan.

### Untuk mengakses tetapan peranti anda

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2 Ketik **Tetapan**.

Anda juga boleh menyeret bar status ke bawah pada skrin Utama dan ketik untuk mengakses tetapan peranti anda.

# Menaip teks

Anda boleh pilih daripada sebilangan papan kekunci dan kaedah input untuk menaip teks yang mengandungi huruf, nombor dan aksara lain.

## Papan kekunci pada paparan

Ketik kekunci papan kekunci QWERTY pada paparan untuk memasukkan teks dengan mudah. Sesetengah aplikasi membuka papan kekunci pada paparan secara automatik. Anda juga boleh membuka papan kekunci ini dengan menyentuh medan teks.

## Menggunakan papan kekunci pada paparan




1 Tukar kes aksara dan hidupkan huruf besar. Untuk sesetengah bahasa, kekunci ini digunakan untuk mengakses aksara tambahan dalam bahasa.

2 Tutup paparan papan kekunci pada paparan. Ambil perhatian bahawa ikon ini tidak kelihatan dalam mod potret.

3 Paparkan nombor dan simbol.

4 Peribadikan papan kekunci anda. Kekunci ini hilang selepas papan kekunci diperibadikan.

5 Masukkan ruang.

6 Masukkan pembawa kembali atau sahkan input teks.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

7 Padam aksara sebelum kursor.

Semua ilustrasi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan peranti sebenar dengan tepat.

### Untuk memaparkan papan kekunci pada paparan untuk memasukkan teks

- Ketik medan entri teks.

### Untuk menyembunyikan papan kekunci pada paparan

- Apabila papan kekunci pada paparan dibuka, tekan .

### Untuk memperibadikan papan kekunci pada paparan

1. Buka papan kekunci pada paparan, kemudian ketik . .
2. Ikuti arahab untuk memperibadikan papan kekunci pada paparan anda, sebagai contoh, tanda kotak semak **Kekunci senyuman**.

Jika anda tidak menandakan kotak semak **Kekunci senyuman** semasa anda memperibadikan papan kekunci pada paparan, ikon smiley tidak akan kelihatan.

### Untuk menggunakan papan kekunci pada paparan dalam orientasi landskap

- Apabila anda memasukkan teks, pusingkan peranti ke arah sisi.

Untuk papan kekunci menyokong ciri ini, mod landskap mesti disokong oleh aplikasi yang anda sedang gunakan dan tetapan orientasi skrin anda mesti ditetapkan pada automatik.

### Untuk memasukkan teks menggunakan papan kekunci pada paparan

- Untuk memasukkan aksara yang boleh dilihat pada papan kekunci, ketik aksara.
- Untuk memasukkan kelainan aksara, sentuh terus aksara papan kekunci biasa untuk mendapatkan senarai pilihan tersedia, kemudian, pilih dari senarai. Sebagai contoh, untuk memasukkan "é", sentuh terus "e" sehingga pilihan lain kelihatan, kemudian, semasa jari anda masih menekan pada papan kekunci, seret dan pilih "é".

### Untuk menukar antara huruf besar dan huruf kecil

- Sebelum anda memasukan huruf, ketik  untuk menukar ke huruf besar , atau sebaliknya.

### Untuk menghidupkan caps lock

- Sebelum anda menaip perkataan, sentuh terus  atau  sehingga  muncul.

### Untuk memasukkan nombor atau simbol

- Apabila anda masukkan teks, ketik 12!?. Papan kekunci dengan nombor dan simbol akan kelihatan. Ketik +=$ untuk melihat lebih banyak pilihan.

### Untuk memasukkan tanda baca biasa

1. Apabila anda selesai memasukkan perkataan, ketik bar ruang.
2. Pilih tanda baca daripada bar calon. Tanda yang dipilih dimasukkan sebelum ruang.

Untuk memasukkan noktah dengan cepat, ketik bar ruang dua kali apabila anda selesai memasukkan perkataan.

### Untuk memadam aksara

- Ketik untuk menggantikan kursir selepas aksara yang anda hendak hapuskan, kemudian ketik .

### Untuk memasukkan pembawa kembali

- Apabila anda memasukkan teks, ketik  untuk memasukkan pembawa kembali.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk memilih teks

1. Masukkan sedikit teks, kemudian, ketik dua kali teks. Perkataan yang anda ketik diserlahkan melalui tab di kedua-dua belah.
2. Seret tab ke kiri atau kanan untuk memilih lebih banyak teks.

### Untuk menyunting teks dalam orientasi landskap

1. Masukkan sedikit teks, kemudian, ketik dua kali teks yang dimasukkan.
2. Pilih teks yang anda ingin membuat kerja, kemudian, ketik **Sunting...** dan pilih pilihan.

### Untuk menyunting dalam orientasi potret

1. Masukkan sedikit teks, kemudian, ketik dua kali teks yang dimasukkan untuk membuatkan bar aplikasi kelihatan.
2. Pilih teks yang anda ingin sunting, kemudian, gunakan bar aplikasi untuk membuat perubahan yang anda inginkan.

## Bar aplikasi




| | |
|---|---|
| 1 | Tutup bar aplikasi |
| 2 | Pilih semua teks |
| 3 | Potong teks |
| 4 | Salin teks |
| 5 | Tampal teks |

! hanya muncul apabila anda mempunyai teks yang disimpan pada papan keratan.

## Menggunakan fungsi Input gerak isyarat untuk menulis perkataan

Anda boleh memasukkan teks dengan menggelangsar jari anda dari huruf ke huruf pada papan kekunci pada paparan.

! **Input gerak isyarat** hanya tersedia apabila anda menggunakan papak kekunci skrin pada paparan.

### Untuk memasukkan teks menggunakan fungsi Input gerak isyarat

1. Apabila anda memasukkan teks menggunakan papan kekunci pada paparan, luncurkan jari anda dari huruf ke huruf untuk menuliskan perkataan yang anda mahu tuliskan.
2. Angkat jari anda setelah anda selesai memasukkan sesuatu perkataan. Perkataan dicadangkan berdasarkan pada huruf yang anda telah kesan. Jika perlu, pilih perkataan yang betul dalam bar calon.
3. Untuk melihat lebih banyak pilihan, tatal ke kanan atau kiri dalam bar calon perkataan. Jika anda tidak dapat mencari perkataan yang dikehendaki, ketik sekali untuk memadam seluruh perkataan. Kemudian cuba sekali lagi untuk mengesan perkataan menggunakan fungsi input Gerak Isyarat atau ketik setiap huruf untuk memasukkan perkataan.
4. Jika tetapan **Ruang antara gerak isyrt** diaktifkan, tuliskan perkataan seterusnya yang anda mahu masukkan. Jika tidak, ketik bar ruang dan kemudian tuliskan perkataan seterusnya yang anda mahu masukkan.

Untuk memasukkan kata majmuk apabila tetapan **Ruang antara gerak isyrt** diaktifkan, anda mungkin perlu luncurkan untuk memasukkan bahagian pertama perkataan itu, kemudian memasukkan baki perkataan itu dengan mengetik setiap huruf.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk menukar tetapan Input gerak isyarat

1. Apabila anda memasukkan teks menggunakan papan kekunci pada paparan, ketik 12!?.
2. Ketik , kemudian ketik **Tetapan papan kekunci**.
3. Ketik **Tetapan input teks**.
4. Tandakan atau nyahtandakan kotak semak **Input gerak isyarat**.
5. Jika anda mahu menambah ruang secara automatik antara gerak isyarat tanpa perlu mengetik bar ruang setiap kali, tandakan kotak semak **Ruang antara gerak isyrt**.

## Pad telefon

Pad telefon serupa dengan pad kekunci telefon 12 kekunci standard. Ia memberikan anda pilihan input teks ramalan dan berbilang tap. Anda boleh mengaktifkan kaedah input teks Pad telefon melalui tetapan papan kekunci. Pad telefon hanya tersedia dalam orientasi potret.

## Menggunakan Pad telefon




| | |
|---|---|
| 1 | Buat pilihan input teks |
| 2 | Tukar penghurufbesaran aksara dan hidupkan kunci huruf besar |
| 3 | Paparkan nombor |
| 4 | Paparkan simbol dan senyuman |
| 5 | Masukkan ruang |
| 6 | Masukkan pembawa kembali atau sahkan input teks |
| 7 | Padam aksara sebelum kursor |

! Semua ilustrasi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan peranti sebenar dengan tepat.

### Untuk membuka Pad telefon untuk kali pertama

1. Ketik medan entri teks, kemudian ketik 12!?.
2. Ketik , kemudian ketik **Tetapan papan kekunci**.
3. Ketik **Rupa papan kekunci** > **Bentangan papan kekunci**.
4. Pilih Pad telefon.

Pad telefon hanya boleh digunakan dalam mod potret.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk memasukkan teks menggunakan Pad telefon

- Apabila kelihatan dalam Pad telefon, ketik setiap kekunci aksara sekali sahaja, walaupun huruf yang anda mahukan bukan huruf pertama pada kekunci tersebut. Ketik perkataan yang kelihatan atau ketik untuk melihat lebih banyak cadangan perkataan dan memilih perkataan dari senarai.
- Apabila kelihatan dalam Pad telefon, ketik kekunci pada paparan untuk aksara yang anda mahu masukkan. Teruskan menekan kekunci ini sehingga aksara yang diingini dipilih. Kemudian lakukan cara yang sama untuk aksara seterusnya yang anda mahu masukkan dan seterusnya.

### Untuk memasukkan nombor menggunakan Pad telefon

- Apabila Pad telefon dibuka, ketik 123. Pad telefon dengan nombor akan kelihatan.

### Untuk memasukkan simbol dan senyuman menggunakan Pad telefon

1. Apabila Pad telefon dibuka, ketik &☺ . Grid yang mengandungi simbol dan senyuman akan kelihatan.
2. Tatal ke atas atau ke bawah untuk melihat lebih banyak pilihan. Ketik simbol atau senyuman untuk memilihnya.

## Tetapan Papan kekunci dan Pad telefon

Anda boleh memilih tetapan untuk papan kekunci pada paparan dan Pad telefon, seperti bahasa penulisan dan pembetulan automatik.

### Untuk mengakses tetapan papan kekunci pada paparan dan Pad telefon

1. Apabila anda memasukkan teks menggunakan papan kekunci pada paparan atau Pad telefon, ketik 12!? atau 123.
2. Ketik , kemudian ketik **Tetapan papan kekunci**.

### Untuk menambah bahasa penulisan untuk input teks

1. Apabila anda memasukkan teks menggunakan papan kekunci pada skrin atau Pad telefon, ketik 12!? atau 123 .
2. Ketik , kemudian ketik **Tetapan papan kekunci**.
3. Ketik **Bahasa** > **Bahasa penulisan** dan tanda kotak semak yang relevan. Ketik **OK** untuk mengesahkan.

## Tetapan input teks

Semasa memasukkan teks menggunakan papan kekunci pada paparan atau Pad telefon, anda boleh mengakses menu tetapan input teks yang membantu anda menetapkan pilihan untuk ramalan teks, penjarakan automatik dan pembetulan pantas. Contohnya, anda boleh menentukan bagaimana pilihan perkataan ditunjukkan dan bagaimana perkataan dibetulkan sambil anda menaip. Anda juga boleh menetapkan aplikasi input teks supaya mengingati perkataan baru yang anda tulis.

### Untuk menukar tetapan input teks

1. Apabila anda memasukkan teks menggunakan papan kekunci pada paparan atau Pad telefon, ketik 12!? atau 123.
2. Ketik , kemudian ketik **Tetapan papan kekunci** > **Tetapan input teks** dan pilih tetapan yang berkaitan.

## Memasukkan teks menggunakan input suara

Apabila anda memasukkan teks, anda boleh menggunakan fungsi input suara tanpa perlu menaipkan perkataan. Sebut sahaja perkataan yang anda mahu masukkan. Input suara ialah suatu teknologi eksperimen daripada Google™ dan tersedia kepada beberapa bahasa dan rantau.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Dayakan input suara

1 Apabila anda memasukkan teks menggunakan papan kekunci pada paparan atau Pad telefon, ketik 12!? atau 123.
Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Menggunakan kamera video

### Untuk merakam video menggunakan kekunci kamera

1. Aktifkan kamera.
2. Untuk mula merakam video, tekan kekunci kamera.
3. Untuk menghentikan rakaman, tekan kekunci kamera semula.

Rakam video anda dalam orientasi landskap untuk mendapatkan keputusan terbaik.

### Untuk merakam video dengan mengetuk skrin

1. Aktifkan kamera.
2. Halakan kamera ke arah subjek.
3. Ketik untuk mula merakam.
4. Ketik untuk menghentikan rakaman.

Rakam video anda dalam orientasi landskap untuk mendapatkan keputusan terbaik.

### Untuk memainkan rakaman video

1. Aktifkan kamera.
2. Ketik imej kecil pada bahagian atas sebelah kanan skrin.
3. Kuis ke kiri atau ke kanan untuk menyemak imbas semua fail foto dan video. Video ditandakan dengan .
4. Ketik untuk memainkan video.
5. Untuk berhenti memainkan video, ketik atau .

### Untuk memadamkan video yang dirakam

1. Semak imbas video yang anda mahu padamkan.
2. Ketik bahagian kosong skrin untuk menjadikan kelihatan.
3. Ketik .
4. Ketik **OK** untuk mengesahkan.

## Menggunakan tetapan kamera video

### Untuk melaraskan tetapan kamera video

1. Aktifkan kamera.
2. Ketik salah satu daripada ikon tetapan pada skrin.
3. Untuk memaparkan semua tetapan, ketik .
4. Pilih tetapan yang anda mahu laraskan, kemudian lakukan perubahan anda.

### Untuk menyuaikan panel tetapan kamera video

1. Apabila kamera video dibuka, tekan untuk memaparkan semua tetapan.
2. Sentuh terus tetapan yang anda hendak alih dan seretnya ke kedudukan yang diingini.

Jika anda menyeret tetapan keluar dari panel tetapan, perubahan dibatalkan.

## Gambaran keseluruhan tetapan kamera video

### Pemandangan

Ciri Pemandangan membantu anda untuk menyediakan kamera dengan pantas bagi situasi biasa menggunakan pemandangan yang dipraprogram. Kamera menentukan beberapa tetapan untuk anda padankan dengan pemandangan yang dipilih, memastikan video sebaik mungkin dihasilkan.

**Matikan**
Ciri Pemandangan dimatikan dan anda boleh mengambil video secara manual.

**Tangkapan lembut**
Gunakan video tangkapan bertentangan latar belakang lembur.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

**Landskap**
Gunakan untuk video lanskap. Kamera memfokuskan pada objek yang jauh.

**Malam**
Apabila dihidupkan, kepekaan cahaya akan bertambah. Gunakan dalam persekitaran yang tidak terang. Video objek yang bergerak pantas mungkin menjadi kabur. Tetapkan tangan anda atau gunakan sokongan. Matikan mod malam apabila keadaan pencahayaan adalah baik, untuk memperbaik kualiti video.

**Pantai dan salji**
Gunakan dalam persekitaran cerah untuk mengelakkan video yang kurang pendedahan.

**Sukan**
Gunakan untuk video objek bergerak pantas. Masa dedahan yang singkat meminimumkan pengaburan pergerakan.

**Parti**
Gunakan untuk video dalam rumah dalam persekitaran yang tidak terang. Pemandangan ini menangkap pencahayaan latar dalam bangunan atau cahaya lilin. Video objek yang bergerak pantas mungkin menjadi kabur. Tetapkan tangan anda atau gunakan sokongan.

## Resolusi video

Laraskan resolusi video untuk format yang berbeza.

**1920×1080(16:9)**
Format HD Penuh (Definisi Tinggi Penuh) dengan nisbah bidang 16:9. 1920×1080 piksel.

**1280×720(16:9)**
Format HD (Definisi Tinggi) dengan nisbah bidang 16:9. 1280×720 piksel.

**640×480(4:3)**
Format VGA dengan nisbah bidang 4:3. 640x480 piksel.

**176×144(11:9)**
Rakam video yang sesuai untuk dihantar dalam mesej multimedia. Masa rakaman bagi format video ini adalah terhad supaya muat dalam mesej multimedia.

## Photo light

Gunakan cahaya untuk merakam video semasa keadaan pencahayaan kurang memuaskan atau apabila terdapat cahaya latar.

**Hidupkan**

**Matikan**
Kadang kala kualiti video boleh menjadi lebih baik tanpa cahaya, walaupun keadaan pencahayaan kurang memuaskan.

## Pemasa diri

Dengan pemasa diri anda boleh merakam video tanpa memegang peranti. Gunakannya untuk merakam video kumpulan di mana semua orang boleh berada dalam video tersebut. Anda juga boleh menggunakan pemasa diri untuk mengelakkan kamera bergoyang semasa merakam video.

**Hidup (10 s.)**
Tetapkan tundaan 10 saat dari masa anda mengetik skrin kamera sehingga video mula merakam.

**Hidup (2 s.)**
Tetapkan tundaan 2 saat dari masa anda mengetik skrin kamera sehingga video mula merakam.

**Matikan**
Video mula merakam sebaik sahaja anda mengetik skrin kamera.

## Pelancar pantas

Gunakan tetapan Pelancar pantas untuk melancarkan kamera dari skrin kunci. Jika peranti berada dalam mod tidur kamera, tekan kekunci kamera.

**Lancar dan tangkap**
Selepas anda menyeret masuk , kamera pegun dilancarkan daripada mod tidur dan foto ditangkap.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

**Lancar sahaja (kamera pegun)**
Selepas anda menyeret masuk , kamera pegun dilancarkan daripada mod tidur.

**Lancar dan rakam video**
Selepas anda menyeret masuk , kamera video dilancarkan daripada mod tidur dan memulakan rakaman.

**Lancar sahaja (kamera video)**
Selepas anda menyeret masuk , kamera video dilancarkan daripada mod tidur.

**Matikan**

## Mod fokus

Tetapan fokus mengawal bahagian pada video yang sepatutnya tajam. Apabila fokus auto berterusan dihidupkan, kamera sentiasa melaraskan fokus supaya kawasan dalam bingkai fokus putih masih jelas.

**Fokus auto tunggal**
Kamera memfokus secara automatik pada subjek yang dipilih. Fokus auto berterusan dihidupkan.

**Pengecaman muka**
Kamera mengecam sehingga lima wajah manusia secara automatik, ditunjukkan oleh bingkai pada skrin. Kamera memberi fokus secara automatik pada wajah terdekat. Anda juga boleh memilih wajah mana yang hendak difokuskan dengan mengetiknya pada skrin. Apabila anda mengetik skrin kamera, bingkai hijau menunjukkan wajah mana yang dipilih dan berada dalam fokus. Pengecaman muka tidak boleh digunakan untuk semua jenis pemandangan. Fokus auto berterusan dihidupkan.

**Infiniti**
Gunakan apabila merakam video daripada jarak jauh. Fokus ditetapkan pada subjek yang jauh. Subjek yang dekat dengan kamera mungkin kabur.

## Nilai pendedahan

Tetapan ini membolehkan anda menentukan jumlah cahaya dalam imej yang anda tangkap. Nilai yang lebih tinggi menunjukkan jumlah cahaya bertambah.

## Imbangan putih

Tetapan imbangan putih melaraskan keseimbangan warna menurut keadaan pencahayaan.

**Auto**
Laras keseimbangan warna secara automatik kepada keadaan pencahayaan.

**Pijar**
Melaraskan keseimbangan warna untuk keadaan pencahayaan hangat, seperti di bawah mentol lampu.

**Pendarfluor**
Laras keseimbangan warna untuk pencahayaan berpendarfluor.

**Cahaya siang**
Laras keseimbangan warna untuk keadaan luar yang cerah.

**Mendung**
Laras keseimbangan warna untuk langit mendung.

## Permeteran

Fungsi ini menentukan secara automatik dedahan seimbang dengan mengukur jumlah cahaya yang memancar pada imej yang anda ingin tangkap.

**Tengah**
Laraskan dedahan ke tengah imej.

**Purata**
Kira dedahan berdasarkan jumlah cahaya yang memancar pada keseluruhan imej.

**Titik**
Laras dedahan dalam sebahagian kecil daripada imej yang anda ingin tangkap.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Geotag

Teg video dengan butiran tempat anda mengambilnya.

**Hidupkan**
Apabila geotag dihidupkan, lokasi geografi anggaran ditambah pada video apabila anda mengambilnya. Untuk menggunakan geopengetegan, anda mesti mendayakan ciri lokasi daripada menu **Tetapan**. Untuk geotag ditambah pada video, lokasi perlu ditentukan sebelum anda mengambil video. Lokasi anda ditentukan apabila kelihatan pada skrin kamera. Apabila peranti anda mencari kedudukan anda, kelihatan.

**Matikan**
Apabila geotag dimatikan, anda tidak boleh melihat lokasi tempat anda mengambil video.

## Mikrofon

Pilih sama ada hendak menangkap bunyi sekeliling ketika merakam video.

## Tangkap sentuh

Kenal pasti kawasan fokus tertentu dengan menyentuh skrin kamera dengan jari anda. Foto diambil sebaik sahaja anda melepaskan jari anda. Tetapan ini hanya tersedia apabila mod fokus ditetapkan kepada fokus sentuh.

**Hidupkan**

**Matikan**

## Bunyi pengatup

Pilih untuk menghidupkan atau mematikan bunyi pengatup apabila anda merakam video.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Album

## Perihal Album

Gunakan Album untuk melihat foto dan memainkan video yang telah anda ambil dengan kamera anda atau untuk melihat kandungan yang serupa yang telah anda simpan pada peranti anda. Anda boleh menambah geoteg ke foto dan video anda dan kemudian lihatnya pada peta dunia. Dalam Album, anda juga boleh melihat foto dan video yang anda telah muat naik ke khidmat dalam talian, sebagai contoh, ke album web Picasa™ atau ke Facebook™.

Dari Album, anda boleh berkongsi foto dan video kegemaran anda dengan rakan melalui teknologi wayarles Bluetooth™, e-mel, pemesejan dan pelbagai khidmat dalam talian. Anda juga boleh melakukan tugas penyuntingan asas pada foto dan menetapkannya sebagai hias latar atau gambar kenalan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat *Menyambungkan peranti anda ke komputer* pada halaman 101.

### Gambaran keseluruhan tab album

Tab yang berikut tersedia dalam Album:

- **Gambar** – lihat semua foto dan video yang disimpan pada peranti anda.
- **Album saya** – lihat album dalam talian anda serta foto dan klip video anda yang diletakkan geoteg pada peta dunia.

#### Untuk membuka Album

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Album** .

Jika orientasi skrin tidak bertukar secara automatik apabila anda memusingkan peranti ke sisi, tandakan **Skrin autoputar** kotak semak di bawah **Tetapan** > **Paparan**.

## Mobile BRAVIA® Engine

Teknologi Mobile BRAVIA® Engine Sony memperbaik kualiti tontonan foto dan video selepas anda merakamnya, memberikan anda imej yang lebih jelas, lebih tajam dan lebih semula jadi. Mobile BRAVIA Engine dihidupkan secara lalai tetapi anda boleh mematikannya jika anda mahu mengurangkan penggunaan bateri.

#### Untuk menghidupkan Mobile BRAVIA® Engine

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Paparan**.
3. Tandakan kotak semak **Mobile BRAVIA Engine** jika ia belum ditandakan.

## Melihat foto dan video dalam tab **Gambar**

Dalam tab **Gambar** di dalam Album, anda boleh melihat foto dan video anda dalam imej kecil di dalam paparan grid.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Gambaran keseluruhan tab Gambar




| | |
|---|---|
| 1 | Paparan grid foto dan video. |
| 2 | Tatal ke atas atau ke bawah untuk melihat kandungan. |
| 3 | Ketik foto atau video untuk melihatnya. |
| 4 | Tarikh dan jumlah item dalam kumpulan di bawah. |

### Untuk melihat foto dan video dalam paparan grid

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Album** . Semua foto dan video dipaparkan dalam grid yang disusun mengikut kronologi. Video ditandakan dengan .
3. Ketik foto atau video untuk melihatnya.
4. Kuis ke kiri untuk melihat foto atau video seterusnya. Kuis ke kanan untuk melihat foto atau video sebelumnya.

Jika orientasi skrin tidak bertukar secara automatik apabila anda memusingkan peranti ke sisi, tandakan **Skrin autoputar** kotak semak di bawah **Tetapan** > **Paparan**.

### Untuk menukar saiz imej kecil dalam Album

- Apabila anda melihat fimej kecil foto dan video dalam Album, gerakkan dua jari ke arah bertentangan untuk zum masuk atau camtumkan bersama dua jari untuk zum keluar.

### Untuk bekerja dengan sekumpulan foto atau video dalam Album

1. Apabila melihat imej kecil foto dan video dalam Album, tekan  dan ketik **Pilih item** untuk mengaktifkan mod pemilihan.
2. Ketik item yang anda ingin bekerja dengan. Item yang dipilih ditunjukkan dengan bingkai biru.
3. Gunakan alat dalam bar alat di bahagian ata skrin untuk bekerja dengan item pilihan anda.

Untuk mengaktifkan mod pemilihan, anda juga boleh menyentuh dan menahan item sehingga bingkainya bertukar biru. Kemudian anda boleh mengetik item lain untuk memilihnya.

## Melihat foto dan video dalam tab **Album saya**

Jubin berikut tersedia dalam Album saya:

- **Album kamera** – lihat semua foto dan video yang diambil dengan kamera peranti anda.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

- **Ingatan dalaman** – lihat semua foto dan video yang disimpan pada storan dalaman peranti anda.
- **Kad SD saya** – lihat semua foto dan video yang disimpan pada kad ingatan boleh ditanggalkan dalam peranti anda.

## Gambaran keseluruhan tab Album saya




| | |
|---|---|
| 1 | Lihat foto dan video menggunakan perkhidmatan dalam talian PlayMemories. |
| 2 | Lihat foto dan video di Facebook™. |
| 3 | Lihat foto dan video dalam Picasa™. |
| 4 | Lihat foto anda pada peta. |
| 5 | Lihat semua foto dan video yang disimpan ke storan dalaman peranti anda. |
| 6 | Lihat semua foto dan video yang disimpan ke kad ingatan boleh alih. |
| 7 | Lihat foto anda dalam mod glob. |
| 8 | Lihat semua foto dan video yang diambil dengan kamera peranti anda. |

### Untuk melihat kandungan dalam paparan senarai dalam jubin album Kamera

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Album** > **Album saya** > **Album kamera**.
3. Ketik folder yang mahu dibuka. Kandungan folder kelihatan dalam grid susunan kronologi. Video ditandakan dengan .
4. Ketik foto atau video untuk melihatnya.
5. Kuis ke kiri untuk melihat foto atau video seterusnya. Kuis ke kanan untuk melihat foto atau video sebelumnya.

Jika orientasi skrin tidak bertukar secara automatik apabila anda memusingkan peranti ke sisi, tandakan kotak semak **Skrin autoputar** di bawah **Tetapan** > **Paparan**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk melihat kandungan dalam paparan senarai dalam jubin ingatan Dalaman

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Album** > **Album saya** > **Ingatan dalaman**.
3. Ketik folder yang mahu dibuka. Kandungan folder kelihatan dalam grid susunan kronologi. Video ditandakan dengan .
4. Ketik foto atau video untuk melihatnya.
5. Kuis ke kiri untuk melihat foto atau video seterusnya. Kuis ke kanan untuk melihat foto atau video sebelumnya.

Jika orientasi skrin tidak bertukar secara automatik apabila anda memusingkan peranti ke sisi, tandakan kotak semak **Skrin autoputar** di bawah **Tetapan** > **Paparan**.

### Untuk melihat kandungan dalam paparan senarai dalam jubin kad SD Saya

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Album** > **Album saya** > **Kad SD saya**.
3. Ketik folder yang mahu dibuka. Kandungan folder kelihatan dalam grid susunan kronologi. Video ditandakan dengan .
4. Ketik foto atau video untuk melihatnya.
5. Kuis ke kiri untuk melihat foto atau video seterusnya. Kuis ke kanan untuk melihat foto atau video sebelumnya.

Jika orientasi skrin tidak bertukar secara automatik apabila anda memusingkan peranti ke sisi, tandakan kotak semak **Skrin autoputar** di bawah **Tetapan** > **Paparan**.

## Bekerja dengan foto dala Album

Anda boleh menyunting foto dalam Album. Sebagai contoh, anda boleh memangkas foto, mengaitkannya dengan kenalan, atau menggunakannya sebagai hias latar.

### Untuk mengezum foto

- Apabila anda melihat foto, ketik skrin dua kali untuk zum masuk. Ketik lagi dua kali untuk zum keluar.
- Apabila anda melihat foto, gerakkan dua jari ke arah bertentangan untuk zum masuk atau camtumkan bersama dua jari untuk zum keluar.

### Untuk menonton tayangan slaid foto anda

1. Apabila anda melihat foto, tekan  dan ketik **Tayangan slaid** untuk mula memainkan semua foto dalam album.
2. Ketik foto untuk menamatkan tayangan slaid.

### Untuk menonton tayangan slaid bagi foto anda dengan muzik

1. Semasa anda melihat foto, tekan  dan ketik **SensMe™ slideshow**.
2. Pilih muzik dan tema yang anda ingin gunakan untuk tayangan slaid, kemudian, ketik . Aplikasi Album menganalisis foto anda dan menggunakan data muzik SensMe™ untuk memainkan tayangan slaid.
3. Untuk menjeda mainkan, ketik skrin untuk memaparkan kawalan, kemudian, ketik .

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai SensMe™, lihat *Mengkategorikan muzik anda menggunakan SensMe™ channels* pada halaman 61.

### Untuk memutarkan foto

1. Semasa anda melihat foto, tekan .
2. Pilih **Putar kiri** atau **Putar**. Foto disimpan dalam orientasi baru.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk memangkas foto

1 Semasa anda melihat foto, tekan, kemudian ketik **Sunting foto** > >**Pangkas**.
2 Untuk melaraskan bingkai pangkas, sentuh terus bahagian tepi bingkai pangkas. Apabila empat segi di bahagian tepi hilang, seret ke dalam atau keluar untuk mensaiz semula bingkai.
3 Untuk mensaiz semula semua sisi bingkai pangkas pada masa yang sama, sentuh terus salah satu daripada empat penjuru untuk menghilangkan empat segi di bahagian sisi, kemudian seret penjuru sewajarnya.
4 Untuk memindahkan bingkai pangkas ke kawasan lain pada foto, sentuh terus bahagian dalam bingkai, kemudian seretnya ke kedudukan yang diinginkan.
5 Untuk menyimpan salinan foto apabila anda telah memangkasnya, ketik **Simpan**. Versi asal yang belum dipangkas kekal berada pada peranti anda.

### Untuk menggunakan foto

1 Semasa anda melihat foto, tekan, kemudian ketik **Gunakan sebagai**.
2 Pilih pilihan daripada senarai yang muncul.
3 Ikuti langkah relevan untuk menggunakan foto.

### Untuk menyunting foto

- Semasa anda melihat foto, tekan, kemudian ketik **Sunting foto**.

### Untuk berkongsi foto

1 Apabila anda melihat foto, ketik skrin untuk memaparkan palang, kemudian ketik .
2 Dalam menu yang dibuka, ketik aplikasi yang anda mahu gunakan untuk berkongsi foto, kemudian ikut langkah untuk menghantarnya.

### Tambah geoteg pada foto

1 Apabila anda melihat foto, ketik skrin untuk memaparkan palang, kemudian ketik untuk membuka skrin peta.
2 Cari dan ketik lokasi yang diingini untuk meletakkan foto pada peta.
3 Untuk melaraskan lokasi foto, ketik lokasi pada peta dimana anda ingin memindahkan foto.
4 Apabila anda sudah selesai, ketik **OK** untuk menyimpan geoteg dan kembali ke pemapar foto.

Apabila foto di geoteg, akan kelihatan sekali dengan maklumat lokasi. Anda boleh mengetik ikon ini untuk melihat foto pada peta.

### Untuk memadam foto

1 Apabila anda melihat foto, ketik skrin untuk memaparkan palang, kemudian ketik .
2 Ketik **OK**.

## Bekerja dengan video dalam Album

Gunakan Album untuk menonton video yang anda telah ambil dengan kamera, dimuat turun atau disalin ke peranti anda. Anda boleh juga berkongsi video dengan rakan, sebagai contoh, dengan memuat naiknya ke khidmat dalam talian.

### Untuk memainkan video

1 Buka tab **Gambar** atau tab **Album saya** dalam Album.
2 Menggunakan paparan grid atau senarai, cari video yang anda mahu buka.
3 Ketik video untuk memainkannya.
4 Jika kawalan ulang main tidak dipaparkan, ketik skrin untuk memaparkannya. Untuk menyembunyikan kawalan, ketik skrin lagi.

### Untuk menjeda video

1 Apabila video sedang dimainkan, ketik skrin untuk memaparkan kawalan.
2 Ketik .



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk maju pantas dan putar balik video

1 Apabila video sedang dimainkan, ketik skrin untuk memaparkan kawalan.
2 Seret penanda bar perkembangan ke kiri untuk putar balik atau ke kanan untuk maju pantas.

### Untuk melaraskan kelantangan video

- Tekan kekunci kelantangan.

### Untuk berkongsi video

1 Apabila video dimainkan, tekan ☰, kemudian ketik **Kongsi**.
2 Dalam menu yang dibuka, ketik aplikasi yang anda mahu gunakan untuk berkongsi video yang dipilih kemudian ikut langkah yang relevan untuk menghantarnya.

! Anda mungkin tidak akan dapat menyalin, menghantar atau memindahkan item yang dilindungi hakcipta. Beberapa item juga mungkin tidak dihantar jika saiz fail adalah terlalu besar.

### Untuk memadam video

1 Dalam Album, cari video yang anda hendak padam.
2 Sentuh dan tahan video untuk mengaktifkan mod pemilihan. Bingkai imej kecil video bertukar biru apabila dipilih.
3 Ketik 🗑, kemudian ketik **OK**.

## Melihat foto anda pada peta

Jika anda telah mendayakan pengesanan lokasi semasa mengambil foto, anda boleh menggunakan maklumat yang diambil pada peringkat kemudiannya. Contohnya, anda boleh melihat foto anda pada peta dan tunjukkan kepada rakan dan keluarga di mana anda berada apabila anda mengambil foto. Menambah maklumat lokasi juga dirujuk sebagai geopengetegan. Apabila anda mendayakan pengesanan lokasi, anda boleh memilih untuk menggunakan sama ada satelit GPS atau rangkaian tanpa wayar atau kedua-duanya, untuk mencari kedudukan anda.

### Gambaran keseluruhan jubin Peta




| | |
|---|---|
| 1 | Cari lokasi pada peta. |
| 2 | Kumpulan foto dan video yang di geotag dengan lokasi yang sama. |
| 3 | Ketik untuk zum masuk. Cubit untuk zum keluar. Seret untuk melihat bahagian peta yang berbeza. |



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

4 Imej kecil kumpulan foto dan/atau video yang dipilih. Ketik item untuk melihat dalam skrin penuh.

### Untuk mendayakan pengecaman lokasi

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Perkhidmatan lokasi**.
3. Tandakan kotak semakan **Satelit GPS** dan/atau **Perkhidmatan lokasi Google**.

### Untuk melihat foto yang digeoteg pada peta dalam Album

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Dapatkan dan ketik **Album** > **Album saya** > **Peta**.
3. Ketik foto untuk melihat dalam skrin penuh.
4. Jika beberapa foto diambil pada tempat yang sama, hanya satu yang kelihatan pada peta. Jumlah foto yang kelihatan di sudut atas sebelah kanan, sebagai contoh . Untuk melihat foto ini, ketik penutup foto dan kemudian ketik imej kecil di bahagian bawah skrin.

Apabila melihat foto yang digeoteg pada pemapar foto, anda boleh menyentuh skrin untuk memaparkan bar alat, kemudian ketik  untuk melihat foto pada peta.

### Untuk melihat foto yang digeoteg pada glob dalam Album

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Dapatkan dan ketik **Album** > **Album saya** > **Glob**.
3. Ketik foto untuk melihat dalam skrin penuh.
4. Jika beberapa foto diambil pada tempat yang sama, hanya satu yang kelihatan pada peta. Jumlah foto yang kelihatan di sudut atas sebelah kanan, sebagai contoh . Untuk melihat foto ini, ketik penutup foto dan kemudian ketik imej kecil di bahagian bawah skrin.

Apabila melihat foto yang digeoteg daripada aplikasi kamera, anda boleh menyentuh skrin untuk memaparkan bar alat, kemudian ketik  untuk melihat foto pada peta.

### Untuk menambah geoteg semasa melihat peta dalam Album

1. Semasa melihat peta dalam Album, tekan , kemudian ketik **Tambah geoteg**.
2. Cari dan ketik foto yang anda ingin tambah geoteg.
3. Ketik lokasi yang diingin pada peta untuk menetapkan geoteg, kemudian ketik **OK**.

### Untuk menyunting geoteg foto dalam Album

1. Apabila melihat foto pada peta dalam Album, sentuh dan tahan foto sehingga bingkainya bertukar biru.
2. Seret foto ke lokasi yang baru.

Anda juga boleh mengetik lokasi yang diingini pada peta daripada menyeret.

### Untuk menukar paparan peta dalam Album

- Semasa melihat peta dalam Album, tekan , kemudian pilih **Paparan klasik**, **Paparan bumi** atau **Paparan satelit**.

## Melihat album dalam talian

Dalam Album, lihat foto dan video yang anda dan rakan anda telah muat naik ke khidmat dalam talian, seperti Picasa™ dan Facebook™. Anda boleh melihat ulasan daripada rakan anda dan tambah ulasan anda sendiri.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Gambaran keseluruhan khidmat dalam talian




| | |
|---|---|
| 1 | Khidmat dalam talian yang aktif. |
| 2 | Nama album dalam talian. |
| 3 | Jumlah item dalam album dalam talian. |
| 4 | Muat semula. |

### Untuk melihat foto daripada perkhidmatan dalam talian dalam Album

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Album** >**Album saya**.
3. Ketik perkhidmatan dalam talian yang diingini.
4. Ketik **Sambung**. Semua album dalam talian yang tersedia yang telah anda muat naik ke perkhidmatan itu akan dipaparkan.
5. Ketik mana-mana album untuk melihat kandungannya, kemudian ketik foto dalam album.
6. Kuis ke kiri untuk melihat foto atau video seterusnya. Kuis ke kanan untuk melihat foto atau video sebelumnya.

### Untuk melihat dan menambah ulasan ke kandungan album dalam talian

1. Semasa melihat foto daripada album dalam talian, ketik skrin untuk memaparkan palang, kemudian ketik  untuk melihat ulasan.
2. Untuk melihat lebih banyak ulasan, tatal ke bawah skrin.
3. Untuk menambah ulasan anda sendiri, masukkan ulasan anda di bawah skrin, kemudian ketik **Siar**.

### Untuk "Suka" sesuatu foto atau video pada Facebook™

- Semasa melihat foto atau video dari satu daripada album Facebook™, ketik skrin untuk memaparkan bar alat, kemudian ketik  untuk menunjukkan bahawa anda "Suka" item di **Facebook™**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Filem

## Mengenai Filem

Gunakan aplikasi Filem untuk memainkan filem dan kandungan video lain yang telah anda simpan pada peranti anda. Aplikasi Filem juga membantu anda mendapatkan seni poster, ringkasan plot, maklumat genre dan butiran pengarah untuk setiap filem. Anda juga boleh memainkan filem anda pada peranti lain yang bersambung kepada rangkaian yang sama.

! Video yang dirakam menggunakan kamera peranti anda dipaparkan dalam aplikasi Album, bukan dalam aplikasi Filem.

### Gambaran Keseluruhan Filem




| | |
|---|---|
| 1 | Semua kategori video yang tersedia pada peranti anda. |
| 2 | Semak imbas semua filem. |
| 3 | Semak imbas kandungan pada peranti DLNA Certified™ lain yang disambungkan. |
| 4 | Semak imbas kesemua rancangan TV. |
| 5 | Uruskan kandungan video daripada Video Unlimited™. |

! Video Unlimited™ mungkin tidak disediakan di semua negara atau rantau.

## Menggunakan Wayang

### Untuk memainkan video dalam Filem

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik **Filem**.
2. Pilih kategori muzik dan semak imbas ke video yang anda mahu mainkan.
3. Ketik video yang ingin anda pilih, kemudian ketik untuk memainkannya.
4. Untuk memaparkan atau menyembunyikan kawalan, ketik skrin.
5. Untuk menjedakan memainkan, ketik .
6. Untuk memutar balik, seret penanda bar kemajuan ke kiri. Untuk memaju pantas, seret penanda bar kemajuan ke kanan.

### Untuk memainkan video dalam skrin penuh

1. Apabila video sedang dimainkan, ketik skrin untuk memaparkan kawalan.
2. Ketik .

Untuk memainkan vi\deo dalam saiz asalnya, ketik .



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk berkongsi video

1. Apabila video disimpan di bawah Filem atau rancangan TV dimainkan, tekan , kemudian ketik **Kongsi**.
2. Ketik aplikasi yang anda mahu gunakan untuk berkongsi video yang dipilih kemudian ikut langkah yang relevan untuk menghantarnya.

### Untuk mendapatkan maklumat filem secara manual

1. Pastikan peranti anda mempunyai sambungan data yang aktif.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik **Filem**.
3. Tekan , kemudian pastikan bahawa kotak semak **Dapatkan butiran video** ditandakan.
4. Buka tab Filem atau rancangan TV dan semak imbas imej kecil fail yang ingin anda dapatkan maklumat.
5. Sentuh terus imej kecil untuk video, kemudian ketik **Carian maklumat**.
6. Dalam medan carian, masukkan kata kunci untuk video, kemudian ketik kekunci sahkan pada papan kekunci. Semua padanan dipaparkan dalam senarai.
7. Pilih hasil carian, kemudian ketik **Selesai**. Muat turun maklumat bermula.

! Anda juga mendapat maklumat mengenai video yang baru ditambah secara automatik semasa aplikasi Filem dibuka dan kotak semak **Dapatkan butiran video** ditandakan. Caj penghantaran data mungkin dikenakan.

Jika maklumat yang dimuat turun salah, ketik  dan cari sekali lagi menggunakan kata kunci yang berbeza.

### Untuk mengosongkan maklumat mengenai video

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik **Filem**.
2. Pilih kategori muzik dan semak imbas ke video yang anda mahu sunting.
3. Sentuh terus imej kecil video, kemudian ketik **Kosongkan maklumat**.

### Untuk memainkan video pada peranti luaran

1. Pastikan peranti yang anda mahu berkongsi fail disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama seperti peranti anda.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik **Filem** > .
3. Ketik **Throw**, kemudian pilih peranti dari senarai.
4. Pilih video yang hendak anda mainkan.

### Untuk menukar tetapan bunyi semasa video dimainkan

1. Semasa video dimainkan, tekan , kemudian ketik **Tetapan bunyi**.
2. Tandakan kotak semak untuk seting bunyi yang anda mahu aktifkan.
3. Setelah anda selesai, ketik **OK**.

### Untuk memadam video

1. Dari skrin Utama anda, ketik , kemudian cari dan ketik **Filem**.
2. Pilih kategori muzik dan semak imbas ke video yang anda mahu padamkan.
3. Sentuh dan tahan gambar kecil video, kemudian ketik **Padam** daripada senarai yang kelihatan.
4. Ketik **Padam** sekali lagi untuk mengesahkan.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Video Unlimited™

## Mengenai Video Unlimited™

Gunakan perkhidmatan Video Unlimited™ untuk menyewa dan membeli video yang boleh anda tonton bukan sahaja pada peranti Android anda, malah pada PC, PlayStation® Portable (PSP®) atau PlayStation® 3 juga. Buat pilihan anda daripada filem Hollywood terbaru, filem aksi, komedi, klasik dan pelbagai kategori lain.

! Video Unlimited™ mungkin tidak tersedia di semua negara atau rantau.

### Untuk membuka Video Unlimited™

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik .

### Gambaran keseluruhan menu Video Unlimited™

| | |
|---|---|
| | Lihat maklumat akaun anda |
| | Cari video |
| | Lihat status muat turun untuk semua item anda |
| | Lihat dan tukar tetapan untuk akaun, pembelian dan muat turun anda |
| | Tambah video semasa ke senarai keinginan |
| | Padam semua item dalam senarai keinginan anda |
| | Padam video yang anda sedang tonton dari senarai keinginan |
| | Kongsi maklumat mengenai video semasa melalui rangkaian sosial, e-mel, Bluetooth atau kaedah lain |
| | Lihat maklumat undang-undang |

! Menu Video Unlimited™ adalah dinamik, yang bermaksud bahawa semua pilihan tidak sentiasa tersedia. Sebagai contoh, pilihan untuk memadamkan semua item dalam senarai keinginan anda hanya tersedia semasa anda sedang melihat senarai itu sahaja.

### Untuk membuka menu Video Unlimited™

- Buka **Video Unlimited**, kemudian tekan .

### Membuat akaun Video Unlimited™

Anda perlu mewujudkan akaun Video Unlimited™ jika anda mahu membeli atau menyewa filem melalui perkhidmatan Video Unlimited™.

### Menerokai pilihan Video Unlimited™

Semak imbas mengikut kategori atau masukkan teks untuk mencari item tertentu. Anda juga boleh memilih untuk pratonton video yang anda minati.

## Menyewa atau membeli video

Apabila anda menyewa video, anda diberikan tempoh masa yang ditetapkan untuk menontonnya. Tempoh masa ini berbeza dari pasaran ke pasaran. Anda juga boleh memilih untuk memuat turun video yang dibeli ke kebanyakan peranti Sony™ yang disambungkan ke akaun Video Unlimited™ anda.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Gambaran keseluruhan pemberitahuan Video Unlimited™

Apabila anda membeli atau menyewa video, pemberitahuan berikut mungkin kelihatan:

| | |
|---|---|
| | Memuat turun video selesai |
| | Gagal memuat turun. Anda perlu menyemak sama ada, sebagai contoh, peranti anda disambungkan ke rangkaian Wi-Fi® dan anda mempunyai ruang kosong yang mencukupi pada kad ingatan anda. |
| | Memuat turun video sedang berjalan |
| | Muat turun dijeda |
| | Pengesahan pembelian berjaya |
| | Tempoh kira detik penyewaan telah bermula |

## Menonton video daripada Video Unlimited™

Anda boleh menonton video yang anda sewa atau beli pada kebanyakan peranti Sony™ yang disambungkan ke akaun Video Unlimited™ anda.

### Gambaran keseluruhan menu video

Apabila anda menonton video dari Video Unlimited™, anda boleh membuka menu untuk mendapatkan pilihan yang berikut:

| | |
|---|---|
| | Padam video semasa |
| | Lihat maklumat mengenai video semasa |
| | Tukar bahasa audio |
| | Tukar bahasa sari kata atau alih keluar sari kata |



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Penyemak imbas web

## Perihal penyemak imbas web

Penyemak imbas Google Chrome™ untuk peranti Android™ didatangkan siap dipasang dalam kebanyakan pasaran. Pergi ke http://support.google.com/chrome dan klik pautan "Chrome untuk Mudah Alih" untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci tentang cara menggunakan penyemak imbas ini.

! Google Chrome™ tidak tersedia di semua pasaran.

### Untuk membuka penyemak imbas web

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2 Cari dan ketik .



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Kesambungan

## Menyambung ke rangkaian wayarles

Anda boleh mengakses Internet secara wayarles dari peranti anda menggunakan teknologi **Wi-Fi®** . Dengan cara ini, anda boleh menyemak imbas dan berkongsi fail media melalui rangkaian **Wi-Fi®** yang sama dengan peranti DLNA Certified™ lain, sebagai contoh, TV dan komputer.

Jika syarikat atau organisasi anda mempunyai rangkaian persendirian maya (VPN), anda boleh menyambung ke rangkaian ini menggunakan peranti anda. Anda boleh menggunakan VPN untuk mengakses intranet dan perkhidmatan dalaman lain di syarikat anda.

### Sebelum menggunakan Wi-Fi®

Untuk menyemak imbas Internet menggunakan sambungan **Wi-Fi®** , anda perlu mencari dan menyambung kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang tersedia dan kemudian, buka penyemak imbas Internet. Kekuatan isyarat rangkaian **Wi-Fi®** mungkin berbeza bergantung pada lokasi peranti anda. Bergerak menghampiri pusat akses **Wi-Fi®** untuk meningkatkan kekuatan isyarat.

#### Untuk menghidupkan Wi-Fi®

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan**.
3. Seret penggelangsar di sebelah **Wi-Fi®** ke kanan untuk menghidupkan fungsi **Wi-Fi®** .

! Beberapa saat mungkin diperlukan sebelum Wi-Fi® didayakan.

#### Untuk menyambung ke rangkaian Wi-Fi®

1. Dari **Skrin Utama**, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan**.
3. Pastikan fungsi **Wi-Fi®** dihidupkan. Ketik **Wi-Fi** .
4. Rangkaian **Wi-Fi®** yang tersedia dipaparkan. Rangkaian tersedia mungkin terbuka atau selamat. Rangkaian terbuka ditunjukkan oleh  dan rangkaian selamat ditunjukkan oleh  bersebelahan nama rangkaian **Wi-Fi®** .
5. Ketik rangkaian **Wi-Fi®** untuk bersambung dengannya. Jika anda sedang mencuba untuk menyambung kepada rangkaian yang selamat, anda diminta untuk memasukkan kata laluan.  dipaparkan dalam bar status sebaik sahaja anda disambungkan.

! Peranti anda mengingati rangkaian Wi-Fi® yang anda disambungkan. Pada kali berikutnya anda berada di dalam liputan rangkaian Wi-Fi® yang disambungkan sebelum ini, peranti anda akan bersambung kepadanya secara automatik.

Di sesetengah lokasi, rangkaian Wi-Fi® yang terbuka memerlukan anda untuk log masuk ke laman web sebelum anda boleh mengakses kepada rangkaian tersebut. Hubungi pentadbir rangkaian Wi-Fi® yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut.

#### Untuk menyambung kepada rangkaian Wi-Fi® lain

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan** >**Wi-Fi**. Rangkaian Wi-Fi® yang dikesan dipaparkan.
3. Ketik rangkaian Wi-Fi® lain untuk bersambung dengannya.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk mengimbas rangkaian Wi-Fi® secara manual

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik untuk pergi ke skrin Aplikasi.
2. Cari dan ketik **Tetapan** >**Wi-Fi**.
3. Tekan , kemudian ketik **Imbas**. Peranti anda kini mengimbas semua rangkaian **Wi-Fi®** yang tersedia.
4. Untuk bersambung ke rangkaian **Wi-Fi®** , ketik nama rangkaian daripada senarai rangkaian yang tersedia.

### Untuk menambah rangkaian Wi-Fi® secara manual

1. Pastikan **Wi-Fi®** dihidupkan.
2. Dari **Skrin Utama**, ketik .
3. Cari dan ketik **Tetapan** > **Wi-Fi** .
4. Ketik .
5. Masukkan **SSID rangkaian** bagi rangkaian.
6. Ketik medan **Keselamatan** untuk memilih jenis keselamatan.
7. Jika diperlukan, masukkan kata laluan.
8. Ketik **Simpan**.

! Nama rangkaian **Wi-Fi®** boleh ditunjukkan sebagai SSID, ESSID atau Pusat Akses. Hubungi pentadbir rangkaian **Wi-Fi®** anda untuk mendapatkan SSID Rangkaian dan kata laluan.

## Tetapan Wi-Fi® lanjutan

## Status rangkaian Wi-Fi®

Apabila anda disambungkan ke rangkaian **Wi-Fi®** atau apabila terdapat rangkaian **Wi-Fi®** yang tersedia dalam kawasan sekitar anda, status rangkaian **Wi-Fi®** ini boleh dilihat. Anda juga boleh mendayakan peranti anda untuk memberitahu anda apabila rangkaian **Wi-Fi®** terbuka dikesan.

### Untuk mendayakan pemberitahuan rangkaian Wi-Fi®

1. Hidupkan Wi-Fi®, jika ia belum lagi dihidupkan.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
3. Cari dan ketik **Tetapan** >**Wi-Fi**.
4. Tekan .
5. Ketik **Lanjutan**.
6. Tandakan kotak semak **Pemberitahuan rangk.**.

### Untuk melihat maklumat terperinci tentang rangkaian Wi-Fi® yang disambungkan

1. Dari **Skrin Utama**, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan** >**Wi-Fi**.
3. Ketik rangkaian Wi-Fi® yang sedang bersambung dengan anda. Maklumat terperinci rangkaian dipaparkan.

## Dasar tidur Wi-Fi®

Dengan menambah dasar tidur **Wi-Fi®** , anda boleh menentukan bila hendak bertukar dari **Wi-Fi®** ke data mudah alih.

! Jika anda tidak disambungkan ke rangkaian **Wi-Fi®** , peranti anda menggunakan sambungan data mudah alih untuk mengakses Internet (jika anda telah menyediakan dan mendayakan sambungan data mudah alih pada peranti anda).

### Untuk menambah dasar tidur Wi-Fi®

1. Dari **Skrin Utama**, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan** >**Wi-Fi**.
3. Tekan .
4. Ketik **Lanjutan**.
5. Ketik **Biarkan Wi-Fi aktif smsa tidur**.
6. Pilih pilihan.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Berkongsi sambungan data mudah alih anda

Anda boleh berkongsi sambungan data mudah alih peranti anda dengan satu komputer menggunakan kabel USB. Proses ini dipanggil penambatan USB. Anda juga boleh berkongsi sambungan data peranti anda dengan sehingga lapan peranti lain pada satu masa, dengan menjadikan peranti anda hotspot **Wi-Fi®** mudah alih.

Apabila peranti anda berkongsi sambungan datanya, ikon berikut mungkin muncul dalam bar status atau dalam panel Pemberitahuan:

| | |
|---|---|
| | Penambatan USB aktif |
| | Hotspot **Wi-Fi®** mudah alih aktif |

### Untuk berkongsi sambungan data anda menggunakan kabel USB

1. Nyahaktifkan semua sambungan kabel USB ke peranti anda.
2. Menggunakan kabel USB yang disertakan dengan peranti anda, sambungkan peranti anda kepada komputer.
3. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
4. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Lagi…** > **Tether & hotspot mudah alih**.
5. Tandakan kotak semak **Tether USB**.
6. Untuk menghentikan perkongsian sambungan data anda, jangan tanda kotak semakan **Tether USB** atau putuskan sambungan kabel USB.

! Anda tidak boleh berkongsi sambungan data peranti anda dan kad SD melalui kabel USB pada masa yang sama.

Anda mungkin perlu menyediakan komputer anda untuk mewujudkan sambungan rangkaian melalui kabel USB. Pergi ke www.android.com/tether untuk mendapatkan maklumat terbaru.

### Untuk menggunakan peranti anda sebagai hotspot Wi-Fi® mudah alih

1. Dari **Skrin Utama**, ketik .
2. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Lagi…** > **Tether & hotspot mudah alih**.
3. Ketik **Tetapan hotspot Wi-Fi mudah alih** > **Sediakan hotspot Wi-Fi**.
4. Masukkan **SSID rangkaian** bagi rangkaian. Ketik medan **Keselamatan** untuk memilih jenis keselamatan.
5. Jika diperlukan, masukkan kata laluan.
6. Ketik **Simpan**.
7. Tandakan kotak semak **Hotspot Wi-Fi mudah alih**. Peranti anda mula menyiarkan nama rangkaian Wi-Finya (SSID). Sehingga lapan komputer atau peranti lain kini boleh menyambung ke rangkaian ini.
8. Jangan tandakan kotak semakan **Hotspot Wi-Fi mudah alih** apabila anda hendak menghentikan perkongsian sambungan data anda melalui Wi-Fi®.

### Untuk menamakan semula atau melindungi hotspot mudah alih anda

1. Dari **Skrin Utama**, ketik .
2. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Lagi…** > **Tether & hotspot mudah alih**.
3. Ketik **Tetapan hotspot Wi-Fi mudah alih** > **Sediakan hotspot Wi-Fi**.
4. Masukkan **SSID rangkaian** bagi rangkaian.
5. Untuk memilih jenis keselamatan, ketik medan **Keselamatan**.
6. Jika diperlukan, masukkan kata laluan.
7. Ketik **Simpan**.

## Rangkaian peribadi maya (VPN)

Gunakan peranti anda untuk bersambung kepada rangkaian peribadi maya (VPN), yang membenarkan anda mengakses sumber di dalam rangkaian tempatan selamat dari luar rangkaian sebenar. Contohnya, sambungan VPN lazimnya digunakan oleh syarikat dan institusi pendidikan untuk pengguna yang memerlukan akses intranet dan perkhidmatan dalaman yang lain apabila mereka berada di luar rangkaian dalaman, contohnya, apabila mereka dalam perjalanan.

Sambungan VPN boleh disediakan dalam pelbagai cara, bergantung pada rangkaian. Sesetengah rangkaian mungkin memerlukan anda memindahkan dan memasang sijil



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

keselamatan dalam peranti anda. Untuk butiran terperinci mengenai cara menyediakan sambungan kepada rangkaian peribadi maya anda, hubungi pentadbir rangkaian syarikat atau organisasi anda.

### Untuk menambah rangkaian persendirian maya

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Tetapan** > **Lagi…** > **VPN**.
3. Ketik **Tambah profil VPN**.
4. Pilih jenis VPN yang mahu ditambah.
5. Masukkan tetapan VPN anda.
6. Ketik **Simpan**.

### Untuk bersambung ke rangkaian persendirian maya

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Tetapan** > **Lagi…** > **VPN**.
3. Dalam senarai rangkaian yang tersedia, ketik VPN yang anda mahu sambungkan.
4. Masukkan maklumat yang diperlukan.
5. Ketik **Sambung**.

### Untuk memutuskan sambungan daripada rangkaian peribadi maya

1. Seret bar status ke bawah.
2. Ketik pemberitahuan untuk sambungan VPN untuk mematikannya.

## Berkongsi kandungan dengan peranti yang DLNA Certified™

Anda boleh melihat atau memainkan kandungan media yang disimpan ke peranti anda atau peranti lain seperti, sebagai contoh, TV atau komputer. Peranti tersebut mestilah DLNA Certified™ oleh Digital Living Network Alliance dan semua peranti mestilah disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama untuk berkongsi kandungan tersebut. Anda boleh juga melihat atau memainkan kandungan dari peranti DLNA Certified™ yang lain pada peranti anda.

Selepas anda menyediakan perkongsian kandungan antara peranti, anda boleh, sebagai contoh, mendengarkan fail muzik yang disimpan pada komputer rumah anda daripada peranti anda atau melihat foto yang diambil dengan kamera telefon anda pada skrin TV yang besar.

## Mainkan fail daripada peranti DLNA Certified™ pada peranti anda

Apabila anda memainkan fail dari peranti DLNA Certified™ pada peranti anda, peranti lain ini bertindak sebagai pelayan. Dalam kata lain, ia berkongsi kandungan melalui rangkaian. Peranti pelayan mesti menjadikan fungsi perkongsiannya didayakan dan memberi kebenaran akses kepada peranti anda. Ia juga mesti disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama seperti peranti anda.

### Untuk memainkan fail yang dikongsi pada peranti anda

1. Pastikan peranti yang anda mahu berkongsi fail disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama seperti peranti anda.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦, kemudian cari dan ketik **WALKMAN**.
3. Ketik **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
4. Pilih peranti daripada senarai peranti yang disambungkan.
5. Semak imbas folder bagi peranti yang disambungkan dan pilih trek yang anda mahu mainkan. Trek mula dimainkan secara automatik.

### Untuk memainkan video yang dikongsi pada peranti anda

1. Pastikan peranti yang anda mahu berkongsi fail disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama seperti peranti anda.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦, kemudian cari dan ketik **Filem** > **Peranti**.
3. Pilih peranti daripada senarai peranti yang disambungkan.
4. Semak imbas folder bagi peranti yang disambungkan dan pilih video yang anda mahu mainkan.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk melihat foto yang dikongsi pada peranti anda

1 Pastikan peranti yang anda mahu berkongsi fail disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama seperti peranti anda.
2 Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
3 Cari dan ketik **Album** > **Album saya**. Semua album dalam talian yang tersedia anda dan peranti yang disambungkan dipaparkan.
4 Pilih peranti daripada senarai peranti yang disambungkan.
5 Semak imbas folder bagi peranti yang disambungkan dan pilih foto untuk melihatnya.

## Bersedia untuk memainkan kandungan daripada peranti anda pada peranti DLNA Certified™

Sebelum anda boleh melihat atau memainkan fail media dari peranti anda pada peranti DLNA Certified™ lain, anda mesti menyediakan perkongsian fail pada peranti anda. Peranti yang anda kongsikan kandungan dipanggil peranti klien. Sebagai contoh, TV, komputer atau tablet boleh bertindak sebagai peranti klien. Peranti anda berfungsi sebagai pelayan media apabila ia menyediakan kandungan kepada peranti klien. Apabila anda menyediakan perkongsian fail pada peranti anda, anda mesti juga memberikan kebenaran akses kepada peranti klien. Selepas anda melakukannya, peranti tersebut dipaparkan sebagai peranti yang didaftarkan. Peranti yang menunggu untuk mendapatkan kebenaran akses disenaraikan sebagai peranti yang menunggu kebenaran.

### Untuk menyediakan perkongsian fail dengan peranti DLNA Certified™

1 Sambungkan peranti anda ke rangkaian **Wi-Fi®** .
2 Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik .
3 Ketik **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
4 Tekan , kemudian ketik **Pelayan media**.
5 Hidupkan fungsi **Kongsi kandungan**, seret penggelangsar. kelihatan dalam bar status. Kini peranti anda boleh berfungsi sebagai pelayan media.
6 Sambungkan komputer anda atau peranti lain ke rangkaian **Wi-Fi®** yang sama seperti peranti anda.
7 Pemberitahuan muncul dalam bar status peranti anda. Buka pemberitahuan dan tetapkan kebenaran akses yang berkaitan untuk peranti lain.

! Arahan yang diterangkan di atas mungkin berbeza bergantung pada peranti klien yang digunakan. Rujuk kepada Panduan pengguna peranti pelanggan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Jika peranti tidak dapat bersambung, semak untuk memastikan bahawa rangkaian **Wi-Fi®** anda berfungsi.

Anda juga boleh mengakses menu **Pelayan media** di bawah **Tetapan** > **Lagi…** > **Tetapan pelayan media**. Jika anda menutup paparan **Pelayan media**, fungsi itu masih dijalankan di latar belakang.

### Untuk berhenti berkongsi fail dengan peranti DLNA Certified™ lain

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik .
2 Ketuk **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
3 Tekan , kemudian ketik **Pelayan media**.
4 Seret gelangsar untuk mematikan fungsi **Kongsi kandungan**.

### Untuk menetapkan kebenaran akses untuk peranti tertunda

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik .
2 Ketuk **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
3 Tekan , kemudian ketik **Pelayan media**.
4 Pilih peranti dari senarai **Peranti menunggu**.
5 Pilih paras kebenaran akses.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk menukar nama peranti didaftarkan

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik .
2. Ketuk **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
3. Tekan , kemudian ketik **Pelayan media**.
4. Pilih peranti dari senarai **Peranti berdaftar**, kemudian, pilih **Tukar nama**.
5. Masukkan nama baru untuk peranti.

### Untuk menukar tahap akses bagi peranti berdaftar

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik .
2. Ketuk **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
3. Tekan , kemudian ketik **Pelayan media**.
4. Pilih peranti dari senarai **Peranti berdaftar**.
5. Ketik **Tukar tahap akses** dan buat pilihan.

### Untuk mendapatkan bantuan mengenai kandungan perkongsian dengan peranti DLNA Certified™ lain

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik .
2. Ketuk **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
3. Tekan , kemudian ketik **Pelayan media**.
4. Ketik .

## Memainkan fail pada peranti Digital Media Renderer

Menggunakan teknologi DLNA™ anda boleh menolak kandungan media yang disimpan pada peranti anda ke peranti lain yang disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama. Peranti lain mestilah dapat berfungsi sebagai peranti Digital Media Renderer (DMR), yang bermakna ia boleh memaparkan atau memainkan kandungan yang diterima dari peranti anda. Peranti DMR boleh jadi, sebagai contoh, TV dengan fungsi DLNA atau PC yang menjalankan Windows® 7 atau lebih tinggi.

! Tetapan untuk mendayakan Digital Media Renderer mungkin berbeza-beza bergantung pada peranti yang digunakan. Rujuk kepada panduan pengguna untuk peranti masing-masing untuk maklumat yang lebih terperinci.

### Untuk melihat foto atau video dari peranti anda pada peranti DMR

1. Pastikan anda sudah menyediakan peranti DMR dengan betul dan bahawa peranti itu disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama seperti peranti anda.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
3. Cari dan ketik **Album** .
4. Semak imbas dan buka fail yang mahu anda lihat.
5. Ketik skrin untuk memaparkan bar alat, kemudian ketik  dan pilih peranti DMR untuk berkongsi kandungan anda. Fail yang dipilih itu mula dimainkan dalam turutan kronologi pada peranti yang anda pilih.
6. Untuk memutuskan sambungan dari peranti DMR, ketik , kemudian pilih peranti anda. Fail berhenti bermain pada peranti DMR tetapi terus dimainkan pada peranti anda.

Anda juga boleh berkongsi video dari aplikasi Wayang pada peranti anda dengan mengetik video dan kemudian mengetik .

### Untuk memainkan trek muzik dari peranti anda pada peranti DMR

1. Pastikan anda sudah menyediakan peranti DMR dengan betul dan bahawa peranti itu disambungkan kepada rangkaian **Wi-Fi®** yang sama seperti peranti anda.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik **WALKMAN**.
3. Ketik **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
4. Pilih kategori muzik dan semak imbas trek yang mahu dikongsi, kemudian ketik trek itu.
5. Ketik  dan pilih peranti DMR untuk berkongsi kandungan anda. Trek akan dimainkan secara automatik pada peranti yang anda pilih.
6. Untuk memutuskan sambungan dari peranti DMR, ketik , kemudian pilih peranti anda. Trek berhenti bermain pada peranti DMR tetapi terus dimainkan pada peranti anda.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## NFC

Gunakan Komunikasi Berdekatan Medan (NFC) untuk berkongsi data dengan peranti lain seperti video, foto, alamat laman web, fail muzik atau kenalan. Anda juga boleh menggunakan NFC untuk mengimbas tag yang memberikan anda maklumat lanjut mengenai produk atau perkhidmatan serta tag yang mengaktifkan fungsi tertentu pada peranti anda.

NFC adalah teknologi wayarles dengan julat maksimum satu sentimeter, maka, peranti untuk perkongsian data perlu diletakkan dengan rapat. Sebelum anda boleh menggunakan NFC, anda harus menghidupkan fungsi NFC terlebih dahulu dan skrin peranti harus diaktifkan.

! NFC mungkin tidak tersedia di semua negara dan/atau rantau.

### Untuk menghidupkan fungsi NFC

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan** >**Lagi…**.
3. Tandakan kotak semak **NFC**.

## Kawasan pengesanan NFC




! Lokasi kawasan pengesanan NFC tidak sama pada semua peranti. Apabila berkongsi data dengan peranti lain menggunakan NFC, rujuk kepada Panduan pengguna peranti lain untuk mendapatkan maklumat lanjut.

### Untuk berkongsi kenalan dengan peranti lain menggunakan NFC

1. Pastikan kedua-dua peranti telah menghidupkan fungsi NFC dan kedua-dua skrin aktif.
2. Untuk melihat kenalan, pergi ke **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian ketik .
3. Ketik kenalan yang anda ingin berkongsi.
4. Pegang peranti anda dan peranti penerima saling membelakangkan supaya kawasan pengesanan NFC setiap peranti saling bersentuhan. Apabila peranti bersambung, ia akan bergetar dan memainkan bunyi pendek. Imej kecil kenalan kelihatan.
5. Ketik imej kecil untuk memulakan pemindahan.
6. Apabila pemindahan selesai, maklumat kenalan dipaparkan pada skrin peranti penerima dan juga disimpan pada peranti penerima.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk berkongsi fail muzik dengan peranti lain menggunakan NFC

1. Pastikan bahawa kedua-dua peranti anda dan peranti penerima telah menghidupkan fungsi NFC dan kedua-dua skrin aktif.
2. Untuk membuka aplikasi "WALKMAN", ketik , kemudian cari dan ketik .
3. Ketik tab **Muzik saya** untuk membuka pustaka muzik.
4. Pilih kategori muzik dan semak imbas ke trek yang anda mahu kongsi.
5. Ketik trek untuk memainkannya. Kemudian anda boleh mengetik untuk menjeda trek. Pemindahan berfungsi sama ada trek dimainkan ataupun dijeda.
6. Pegang peranti anda dan peranti penerima saling membelakangkan supaya kawasan pengesanan NFC setiap peranti saling bersentuhan. Apabila peranti bersambung, ia akan bergetar dan memainkan bunyi pendek. Imej kecil trek kelihatan.
7. Ketik imej kecil untuk memulakan pemindahan.
8. Apabila pemindahan selesai, fail muzik dimainkan serta-merta pada peranti penerima. Pada masa yang sama, fail disimpan dalam peranti penerima.

! Anda mungkin tidak akan dapat menyalin, menghantar atau memindahkan item yang dilindungi hak cipta.

### Untuk berkongsi foto atau video dengan peranti lain menggunakan NFC

1. Pastikan kedua-dua peranti telah menghidupkan fungsi NFC dan kedua-dua skrin aktif.
2. Untuk melihat foto dan video di dalam peranti anda, pergi ke **Skrin Utama** anda, ketik , kemudian cari dan ketik **Album** .
3. Ketik foto atau video yang ingin anda kongsikan.
4. Pegang peranti anda dan peranti penerima saling membelakangkan supaya kawasan pengesanan NFC saling bersentuhan. Apabila peranti bersambung, ia akan bergetar dan memainkan bunyi pendek. Imej kecil foto atau video kelihatan.
5. Ketik imej kecil untuk memulakan pemindahan.
6. Apabila pemindahan selesai, foto atau video dipaparkan pada skrin peranti penerima. Pada masa yang sama, item disimpan dalam peranti penerima.

Anda juga boleh menggunakan NFC untuk berkongsi video daripada aplikasi Filem.

### Untuk berkongsi alamat web dengan peranti lain menggunakan NFC

1. Pastikan kedua-dua peranti telah menghidupkan fungsi NFC dan kedua-dua skrin aktif.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
3. Untuk membuka penyemak imbas web, cari dan ketik .
4. Muatkan laman web yang anda mahu kongsikan.
5. Pegang peranti anda dan peranti penerima saling membelakangkan supaya kawasan pengesanan NFC saling bersentuhan. Apabila peranti bersambung, ia akan bergetar dan memainkan bunyi pendek. Imej kecil laman web kelihatan.
6. Ketik imej kecil untuk memulakan pemindahan.
7. Apabila pemindahan selesai, laman web dipaparkan pada skrin peranti penerima.

## Mengimbas tag NFC

Peranti anda boleh mengimbas pelbagai jenis tag NFC. Sebagai contoh, ia boleh mengimbas tag dibenam pada poster, pada iklan papan iklan atau bersebelahan produk dalam kedai runcit. Anda boleh menerima maklumat tambahan seperti alamat web.

### Untuk mengimbas tag NFC

1. Pastikan peranti anda telah menghidupkan fungsi NFC dan skrin aktif.
2. Letakkan peranti anda pada tag supaya kawasan pengesanan NFC menyentuhnya. Peranti anda mengimbas tag dan memaparkan kandungan yang dikumpulkan. Ketik kandungan tag untuk membukanya.
3. Untuk membuka tag, ketiknya.

## Membayar item dengan peranti anda

Anda boleh menggunakan aplikasi Operator wallet pada peranti anda untuk membayar item di dalam kedai yang menyokong kaedah pembayaran NFC. Cuma ketik peranti



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

anda pada pad pembayaran elektronik yang didayakan secara khusus untuk membayar pembelian anda. Pembayaran dibayar menggunakan kad kredit atau debit atau melalui kad prabayar atau baucar. Maklumat pembayaran anda disimpan di dalam aplikasi pembayaran supaya anda tidak perlu memasukkannya setiap kali.

! Untuk menggunakan Operator wallet, kad SIM anda perlu mempunyai elemen selamat yang dibenamkan. Hubungi pengendali rangkaian anda untuk butiran lanjut.

### Google Wallet™

Gunakan aplikasi Google Wallet™ untuk membayar barangan semasa daftar keluar. Jika terdapat terminal NFC yang disokong di daftar keluar, anda boleh hanya ketik peranti anda pada terminal untuk membayar. Google Wallet™ menyimpan butiran kad kredit dan debit anda serta butiran kupon dan tawaran khas lain. Kebanyakan jenis kad kredit utama disokong. Ciri keselamatan termasuk PIN, storan yang disulitkan dan keupayaan untuk menyahdaya dompet yang hilang dari jauh.

### Operator wallet

Aplikasi Operator wallet membenarkan anda mengakses pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh operator rangkaian anda, seperti pilihan untuk membayar untuk item di dalam keretapi bawah tanah dan kedai. Hubungi operator rangkaian anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan seperti itu.

#### Untuk memilih dompet untuk kegunaan pada peranti anda

1. Pastikan fungsi NFC dihidupkan.
2. Daripada **Skrin Utama** anda, ketik .
3. Cari dan ketik **Tetapan** > **Lagi…**.
4. Ketik **Pengendali keselamatan NFC** dan buat pilihan.

### Menyambung ke peranti serasi NFC

Anda boleh menyambung peranti anda kepada peranti serasi NFC lain yang dikeluarkan oleh Sony, seperti speaker atau fon kepala. Semasa mewujudkan jenis sambungan ini, rujuk kepada Panduan pengguna peranti yang serasi untuk maklumat lanjut.

! Anda mungkin perlu mengaktifkan Wi-Fi® atau Bluetooth™ pada kedua-dua peranti agar sambungan berfungsi.

## Teknologi wayarles Bluetooth™

Gunakan fungsi Bluetooth™ untuk menghantar fail ke peranti serasi Bluetooth™ yang lain atau untuk bersambung ke aksesori bebas tangan. Hidupkan fungsi Bluetooth™ pada peranti anda dan buat sambungan wayarles ke peranti serasi Bluetooth™ yang lain seperti komputer, aksesori bebas tangan dan telefon. Sambungan Bluetooth™ berfungsi dengan lebih baik apabila berada dalam lingkungan jarak 10 meter (33 kaki), tanpa objek padu di antaranya. Dalam sesetengah kes, anda perlu menjadikan peranti Bluetooth™ lain pasangan peranti anda secara manual.

! Keupayaan saling boleh kendali dan keserasian antara pelbagai peranti Bluetooth™ adalah berbeza-beza.

#### Untuk menghidupkan fungsi Bluetooth™ dan menjadikan peranti anda boleh dilihat

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan**.
3. Ketik suis hidup-mati di sebelah **Bluetooth** untuk menghidupkan fungsi Bluetooth™.
4. Ketik **Bluetooth**. Peranti anda dan senarai peranti Bluetooth™ yang tersedia kelihatan.
5. Ketik nama peranti anda untuk membuatkan peranti anda boleh dilihat oleh peranti Bluetooth™ lain.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk melaraskan masa keterlihatan peranti anda kepada peranti Bluetooth™ lain

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Bluetooth**.
3. Tekan  dan pilih **Habis masa kebolehlihatan**.
4. Pilih pilihan.

## Menamakan peranti anda

Anda boleh memberikan peranti anda nama. Nama ini ditunjukkan ke peranti lain selepas anda menghidupkan fungsi Bluetooth™ dan peranti anda ditetapkan pada boleh dilihat.

### Untuk memberi nama kepada peranti anda

1. Pastikan fungsi Bluetooth™ dihidupkan.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
3. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Bluetooth**.
4. Tekan  dan pilih **Namakan semula telefon**.
5. Masukkan nama untuk peranti anda.
6. Ketik **Namakan semula**.

## Berpasangan dengan peranti Bluetooth™ yang lain

Apabila anda menjadikan peranti anda pasangan peranti lain, anda boleh, sebagai contoh, menyambung peranti anda ke headset Bluetooth™ atau kit kereta Bluetooth™ dan menggunakan peranti lain ini untuk membuat dan menerima panggilan.

Sebaik sahaja anda peranti anda sudah berpasangan dengan peranti Bluetooth™, peranti anda akan mengingati pasangan ini. Apabila menjadikan peranti anda pasangan dengan peranti Bluetooth™, anda perlu memasukkan kod laluan. Peranti anda akan mencuba kod laluan generik 0000 secara automatik. Jika ia tidak berfungsi, rujuk pada panduan pengguna untuk peranti Bluetooth™ anda bagi mendapatkan kod laluan peranti. Anda tidak perlu memasukkan semula kod laluan pada kali berikutnya anda menyambung ke pasangan peranti Bluetooth™.

Sesetengah peranti Bluetooth™, sebagai contoh, kebanyakan headset Bluetooth™, menghendaki anda membuat pasangan dan juga menyambung dengan peranti lain.

Anda boleh menjadikan peranti anda pasangan beberapa peranti Bluetooth™ tetapi anda hanya boleh menyambung ke satu profil Bluetooth™ pada satu-satu masa.

### Untuk memasangkan peranti anda dengan peranti Bluetooth™ lain

1. Pastikan peranti yang anda mahu pasangkan dengan peranti anda telah mengaktifkan fungsi Bluetooth™ dan boleh dilihat oleh peranti Bluetooth™ lain.
2. Dari **Skrin Utama**, ketik .
3. Cari dan ketik **Tetapan** > **Bluetooth**. Semua peranti Bluetooth™ yang tersedia kelihatan dalam senarai.
4. Ketik peranti Bluetooth™ yang anda ingin pasangkan dengan peranti anda.
5. Masukkan kod laluan, jika perlu atau sahkan kod laluan yang sama pada kedua-dua peranti. Peranti anda dan peranti Bluetooth™ kini berpasangan.

### Untuk menyambungkan peranti anda ke peranti Bluetooth™ lain

1. Jika anda menyambungkan ke peranti Bluetooth yang memerlukan anda untuk memasangkan peranti anda terlebih dahulu sebelum menyambung, ikuti langkah berkaitan untuk memasangkan peranti anda dengan peranti itu.
2. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
3. Cari dan ketik **Tetapan** > **Bluetooth**.
4. Ketik peranti Bluetooth™ yang anda mahu sambungkan ke peranti anda.

### Untuk menghentikan peranti Bluetooth™ daripada berpasangan

1. Dari **Skrin Utama**, ketik .
2. Cari dan ketik **Tetapan** >**Bluetooth**.
3. Di bawah **Peranti pasangan**, ketik  bersebelahan nama peranti yang anda tidak mahu membuat pasangan.
4. Ketik **Buang pasangan**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Menghantar dan menerima item menggunakan teknologi Bluetooth™

Kongsi item dengan peranti serasi Bluetooth™ lain seperti telefon atau komputer. Anda boleh menghantar dan menerima beberapa jenis item menggunakan fungsi Bluetooth™ seperti:

- Foto dan video
- Muzik dan fail audio lain
- Kenalan
- Halaman web

### Untuk menghantar item menggunakan Bluetooth™

1. **Peranti menerima:** Pastikan fungsi Bluetooth™ dihidupkan dan bahawa peranti tersebut boleh dilihat oleh peranti Bluetooth™ yang lain.
2. **Peranti penghantaran:** Buka aplikasi yang mengandungi item yang anda mahu hantar, dan skrol ke item.
3. Bergantung pada aplikasi dan pada item yang anda mahu hantarkan, anda mungkin perlu, contohnya, menyentuh terus item, membuka item dan menekan ☰. Cara lain untuk menghantar item mungkin wujud.
4. Pilih **Bluetooth**.
5. Hidupkan Bluetooth™, jika anda diminta melakukannya.
6. Ketik nama peranti yang menerima.
7. **Peranti menerima:** Jika diminta, terima sambungan tersebut.
8. **Peranti penghantaran:** Jika ditanya, sahkan pemindahan ke peranti yang menerima.
9. **Peranti menerima:** Terima item masuk.

### Untuk menerima item menggunakan Bluetooth™

1. Pastikan fungsi Bluetooth™ dihidupkan dan boleh dilihat oleh peranti Bluetooth™ yang lain.
2. Peranti penghantaran sekarang mula menghantar data ke peranti anda.
3. Jika digesa, masukkan kod laluan yang sama pada kedua-dua peranti atau sahkan kod laluan yang disyorkan.
4. Apabila anda diberitahu mengenai fail masuk ke peranti anda, seret bar status ke arah bawah dan ketik pemberitahuan untuk menerima pemindahan fail.
5. Ketik **Terima** untuk memulakan pemindahan fail.
6. Untuk melihat perkembangan pemindahan, seret bar status ke arah bawah.
7. Untuk membuka item yang diterima, seret bar status ke bawah dan ketik pemberitahuan yang relevan.

### Untuk melihat fail yang anda terima menggunakan Bluetooth™

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Bluetooth**.
3. Tekan ☰ dan pilih **Tunjukkan fail yang diterima**.

## Menyambungkan peranti anda ke komputer

Sambungkan peranti anda kepada komputer dan mula memindahkan gambar, muzik dan jenis fail lain. Cara paling mudah untuk menyambung adalah menggunakan kabel USB atau teknologi wayarles Bluetooth.

Apabila anda menyambungkan peranti anda kepada komputer menggunakan kabel USB, anda digesa untuk memasang aplikasi PC Companion pada komputer anda. PC Companion membantu anda mengakses aplikasi komputer tambahan untuk memindahkan dan mengatur fail media, mengemas kini peranti anda, menyelaras kandungan peranti dan banyak lagi.

! Anda mungkin tidak boleh memindahkan sesetengah bahan yang dilindungi hak cipta di antara peranti dan komputer anda.

## Memindahkan dan mengendali kandungan menggunakan kabel USB

Gunakan sambungan kabel USB di antara komputer dan peranti anda untuk pemindahan dan pengurusan mudah fail anda. Sebaik sahaja dua peranti



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

disambungkan, anda boleh menyeret dan melepaskan kandungan di antara peranti anda dan komputer atau di antara storan dalaman peranti anda dan kad SD, menggunakan penjelajah fail komputer.

Jika anda memindahkan muzik, video, gambar atau fail media lain ke peranti anda, adalah paling baik untuk menggunakan aplikasi Media Go™ pada komputer anda. Media Go™ menukarkan fail media supaya anda boleh menggunakannya pada peranti anda.

### Untuk memindahkan kandungan antara peranti anda dan komputer menggunakan kabel USB

1. Sambungkan peranti anda kepada komputer menggunakan kabel USB. **Storan dalaman disambungkan** muncul dalam bar status.
2. **Komputer**: Buka Microsoft® Windows® Explorer dari desktop dan tunggu sehingga storan dalaman pada peranti anda kelihatan sebagai cakera luaran dalam Microsoft® Windows® Explorer.
3. **Komputer**: Seret dan lepaskan fail yang dikehendaki antara peranti anda dan komputer.

### Untuk memindahkan kandungan antara storan dalaman dan kad SD melalui USB

1. Menggunakan kabel USB, sambungkan peranti anda kepada komputer. **Storan dalaman & kad SD disambungkan** kelihatan dalam bar status pada skrin peranti anda.
2. **Komputer**: Buka Microsoft® Windows® Explorer dari desktop dan tunggu sehingga storan dalaman peranti anda dan kad SD anda kelihatan sebagai cakera luaran dalam Microsoft® Windows® Explorer.
3. **Komputer**: Seret dan lepaskan fail yang diingini antara storan dalaman peranti dan kad SD.

### Untuk memindahkan fail terus daripada storan dalaman pada kad SD dalam peranti

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Storan** > **Pindahkan data ke kad SD**.
3. Tandakan jenis fail yang anda hendak pindahkan ke kad SD.
4. Ketik **Pemindahan**.

Kaedah pindahan terus bermaksud sambungan kabel USB ke komputer tidak diperlukan.

## Memindahkan fail menggunakan mod pemindahan Media melalui Wi-Fi®

Anda boleh memindahkan fail antara peranti anda dan peranti serasi MTP lain, seperti komputer, menggunakan sambungan Wi-Fi®. Sebelum menyambung, anda terlebih dahulu perlu memasangkan dua peranti tersebut. Jika anda memindahkan muzik, video, gambar atau fail media lain antara peranti anda dan komputer, adalah paling baik menggunakan aplikasi Media Go™ pada komputer. Media Go™ menukarkan fail media supaya anda boleh menggunakannya pada peranti anda.

Untuk menggunakan ciri ini, anda memerlukan peranti didayakan Wi-Fi® yang menyokong pemindahan Media, sebagai contoh, komputer yang menjalankan Microsoft® Windows Vista® atau Windows® 7.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk memasangkan peranti anda secara wayarles dengan komputer menggunakan mod pemindahan Media

1 Pastikan mod pemindahan Media didayakan pada peranti anda. Mod ini biasanya didayakan secara lalai.
2 Sambungkan peranti anda pada komputer menggunakan kabel USB.
3 **Komputer**: Selepas nama peranti anda kelihatan pada skrin, klik *Konfigurasi rangkaian* dan ikuti arahan untuk memasangkan komputer.
4 Selepas anda selesai memasangkannya, cabut kabel USB daripada kedua-dua peranti.

! Arahan di atas hanya berfungsi jika Windows® 7 dipasangkan pada komputer anda dan komputer tersebut disambungkan ke Pusat Akses Wi-Fi® melalui kabel rangkaian.

### Untuk menyambungkan peranti pasangan secara wayarles dalam mod pemindahan Media

1 Pastikan mod pemindahan Media didayakan pada peranti anda. Mod ini biasanya didayakan secara lalai.
2 Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
3 Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Xperia™** > **Kesambungan USB**.
4 Ketik peranti pasangan yang anda ingin sambungkan di bawah **Peranti dipercayai**.
5 Ketik **Sambun.**.

! Pastikan fungsi Wi-Fi® dihidupkan.

### Untuk memutuskan sambungan peranti pasangan wayarles dalam mod pemindahan Media

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2 Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Xperia™** > **Kesambungan USB**.
3 Ketik peranti pasangan yang anda ingin putuskan sambungannya di bawah **Peranti dipercayai**.
4 Ketik **Putuskan sambungan**.

### Untuk mengeluarkan pasangan dengan peranti lain

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2 Dapatkan dan ketik **Tetapan** > **Xperia™** > **Kesambungan USB**.
3 Ketik peranti pasangan yang anda ingin alih keluar.
4 Ketik **Lupakan**.

## PC Companion

PC Companion ialah suatu aplikasi komputer yang memberikan anda akses kepada ciri dan perkhidmatan tambahan yang membantu anda memindahkan muzik, video dan gambar ke dan dari telefon anda. Anda juga boleh menggunakan PC Companion untuk mengemas kini telefon anda dan mendapatkan versi perisian terkini yang tersedia. Fail pemasangan untuk PC Companion disimpan pada telefon anda dan pemasangannya dilancarkan dari telefon apabila anda menyambungkannya kepada komputer melalui kabel USB.

Anda memerlukan komputer yang bersambung kepada internet serta menjalankan salah satu sistem pengendalian berikut untuk menggunakan aplikasi PC Companion:

- Microsoft® Windows® 7
- Microsoft® Windows Vista®
- Microsoft® Windows® XP (Pek Khidmat 3 atau yang lebih tinggi)

### Untuk memulakan PC Companion

1 Pastikan bahawa PC Companion dipasangkan pada PC anda.
2 Buka aplikasi PC Companion pada PC, kemudian klik **Mula** untuk membuka salah satu ciri yang anda mahu gunakan.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Media Go™

Aplikasi komputer Media Go™ membantu anda memindahkan dan mengurus kandungan media dalam telefon dan komputer anda. Anda boleh memasang dan mengakses Media Go™ dari dalam aplikasi PC Companion.

Anda memerlukan salah satu sistem pengendalian ini untuk menggunakan aplikasi Media Go™:

- Microsoft® Windows® 7
- Microsoft® Windows Vista®
- Microsoft® Windows® XP, Pek Khidmat 3 atau lebih tinggi

#### Untuk memindahkan kandungan menggunakan aplikasi Media Go™

1. Sambung telefon anda ke komputer menggunakan kabel USB yang disokong.
2. **Telefon**: **Storan dalaman disambungkan** muncul dalam bar status.
3. **Komputer**: Buka aplikasi PC Companion pada PC terlebih dahulu. Dalam PC Companion, klik *Media Go* untuk memulakan aplikasi Media Go™. Dalam sesetengah kes, anda mungkin perlu menunggu Media Go™ dipasangkan.
4. Seret dan lepaskan fail antara komputer dan telefon anda menggunakan Media Go™.

## Menyambung telefon anda ke set TV

Sambungkan telefon anda ke set TV menggunakan kabel HDMI™ (Antara Muka Multimedia Definisi Tinggi), dan mula melihat kandungan yang disimpan dalam telefon anda pada skrin lebih besar. Apabila anda menyambungkan telefon anda kepada set TV, aplikasi Galeri dibuka. Aplikasi ini membantu anda memainkan fail media dari telefon anda pada TV dan peranti lain.

#### Untuk melihat kandungan telefon pada TV menggunakan sambungan kabel HDMI

1. Sambung telefon anda kepada set TV menggunakan kabel HDMI™. kelihatan dalam bar status telefon anda selepas penyambungan diwujudkan.
2. Aplikasi **Pelancar TV** bermula secara automatik. Ikut arahan pada skrin telefon anda untuk melihat fail media anda pada TV.

Anda mungkin perlu membeli kabel HDMI™ TypeD secara berasingan. Untuk hasil terbaik, gunakan kabel Sony IM-820.

#### Untuk melihat bantuan tentang menggunakan alat kawalan jauh TV

1. Seret bar status ke bawah untuk membuka panel Pemberitahuan semasa kabel HDMI™ disambung ke telefon dan juga set TV anda.
2. Ketik **HDMI disambungkan** untuk melihat arahan mengenai cara untuk menggunakan butang kawalan pada kawalan jauh TV anda.

Anda juga boleh menekan butang kuning pada alat kawalan jauh TV untuk membuka panel Pemberitahuan.

! Serasi dengan peranti yang didayakan BRAVIA Sync. Fungsi terhad disokong pada kebanyakan TV yang didayakan HDMI™.

#### Untuk memutuskan sambungan telefon anda dari set TV

- Putuskan sambungan kabel HDMI™ dari telefon anda atau set TV.

## Mengimbas kod bar dengan aplikasi NeoReader™

### Mengenai pengimbasan dengan aplikasi NeoReader™

Gunakan peranti anda sebagai pengimbas kod bar untuk mengetahui lebih lanjut mengenai item yang anda imbas. Contohnya, anda melihat sehelai kot dalam iklan majalah dan mahu mencari saluran runcit terdekat untuk membelinya. Jika iklan mengandungi kod bar yang boleh dibaca, aplikasi NeoReader™ menggunakan kod ini untuk mengakses kandungan web mudah alih, seperti halaman web dengan lebih



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

banyak maklumat produk atau peta saluran runcit yang berdekatan. NeoReader™ menyokong kebanyakan jenis kod bar standard.

### Untuk memulakan aplikasi NeoReader™

1 Dari **Skrin Utama**, ketik .
2 Dapatkan dan ketik **NeoReader™**.

### Untuk mengimbas kod bar

1 Apabila aplikasi NeoReader™ dibuka, pegang peranti anda atas kod bar sehingga keseluruhan kod bar kelihatan dalam pemidang tilik.
2 Peranti anda mengimbas kod bar secara automatik dan bergetar semasa kod bar dikenal pasti.

### Untuk memasukkan kod bar secara manual

1 Apabila aplikasi NeoReader™ dibuka, ketik .
2 Masukkan nombor kod bar dalam medan teks, kemudian ketik **GO!**.

## Gambaran keseluruhan menu aplikasi NeoReader™

Pilihan menu berikut tersedia dalam aplikasi NeoReader™:

| | |
|---|---|
| | Ketik untuk membuka lebih banyak pilihan |
| | Masukkan nombor kod bar secara manual. Pilihan ini boleh digunakan jika kamera anda menghadapi kesukaran membaca kod bar |
| | Lihat senarai kod bar yang telah diimbas sebelumnya |
| ? | Lihat maklumat mengenai aplikasi NeoReader™. Baca selanjutnya mengenai pelbagai jenis kod bar dan cara untuk menggunakan NeoReader™ |
| | Pilih tetapan peribadi anda, seperti bahasa atau negara. Maklumat ini digunakan untuk memperibadikan kandungan kod bar. Anda juga boleh memilih keutamaan cara anda menggunakan aplikasi NeoReader™ |
| | Hantar mesej teks untuk menjemput rakan untuk memuat turun aplikasi NeoReader™ |

# Sambung Pintar

## Perihal Smart Connect

Gunakan aplikasi Smart Connect untuk menetapkan apa yang berlaku dalam peranti anda semasa anda bersambung atau diputuskan sambungan dari aksesori. Anda juga boleh menggunakannya untuk menetapkan tindakan tertentu atau sekumpulan tindakan untuk melancarkan peranti anda pada masa tertentu dalam sehari.

Contohnya, semasa anda menyambungkan headset atau fon kepala anda, anda boleh menetapkan peristiwa supaya tindakan berikut dilancarkan pada peranti anda:

- Antara 7am dan 9am, semasa anda berulang-alik ke tempat kerja, pemain WALKMAN dimulakan dan penyemak imbas web membuka akhbar pagi. Kelantangan dering ditetapkan untuk bergetar.
- Antara waktu pejabat, aplikasi panggilan sidang dibuka pada peranti anda.
- Dalam perjalanan pulang dari tempat kerja, radio FM dimulakan dan aplikasi nota dengan senarai beli-belah anda dibuka.

### Untuk memulakan aplikasi Smart Connect

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2 Cari dan ketik **Smart Connect**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk mewujudkan peristiwa Smart Connect

1. Mulakan aplikasi Smart Connect. Jika anda membuka Smart Connect untuk kali pertama, ketik **OK** untuk menutup skrin pengenalan.
2. Pada tab **Acara**, ketik +.
3. Namakan peristiwa itu kemudian ketik **Cipta**.
4. Di bawah **Bila**, tambahkan sama ada aksesori atau selang masa atau kedua-duanya.
5. Di bawah **Lakukannya**, tambahkan apa yang anda inginkan berlaku dalam peranti anda.
6. Di bawah **Apabila tamat**, tambahkan apa yang anda inginkan berlaku semasa anda memutuskan sambungan aksesori atau semasa selang masa tamat. Jika kedua-dua keadaan ini ditetapkan, tindakan bermula sama ada semasa anda memutuskan sambungan aksesori atau semasa selang masa tamat.
7. Untuk menyimpan peristiwa, tekan ⮌.

Untuk menambah aksesori Bluetooth™, anda perlu menjadikannya pasangan dengan peranti anda terlebih dahulu.

### Untuk menyunting peristiwa Smart Connect

1. Mulakan aplikasi Smart Connect.
2. Pada tab **Acara**, ketik peristiwa.
3. Jika peristiwa dimatikan, ketik ◉.
4. Laraskan tetapan seperti yang diinginkan.
5. Untuk menyimpan peristiwa, tekan ⮌.

Untuk memadam entri yang salah, sentuh terus entri dan kemudian ketik **Padam**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Menyelaraskan data pada peranti anda

## Perihal menyelaraskan data pada peranti anda

Anda boleh menyelaraskan kenalan, e-mel, peristiwa kalendar dan maklumat lain dengan peranti anda dari berbilang akaun e-mel, perkhidmatan penyelarasan dan akaun jenis lain, bergantung pada aplikasi yang dipasangkan pada peranti anda. Menyelaraskan peranti anda dengan sumber maklumat lain adalah cara yang mudah dan praktikal untuk mengikuti perkembangan terkini.

## Menyelaras dengan Google™

Selaraskan peranti anda dengan perkhidmatan Google™ berbeza untuk memastikan maklumat anda terkini, tidak kira peranti mana anda sedang gunakan untuk akaun Google™ anda. Contohnya, anda boleh menyelaraskan kenalan anda, Gmail™, kalendar dan data penyemak imbas web.

### Untuk menyediakan akaun Google™ untuk penyelarasan

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Tambah akaun** > **Google**.
3. Ikut wizard pendaftaran untuk membuat akaun Google™, atau daftar masuk jika anda sudah mempunyai akaun.
4. Tandakan kotak semak **Sandarkan & pulihkan** jika anda mahu menyandarkan data ke akaun Google™ anda, kemudian ketik **Seterusnya**.
5. Ketik akaun Google™ yang baru diwujudkan, kemudian ketik item yang anda hendak selaraskan.

### Untuk menyelaraskan dengan akaun Google™ anda secara manual

1. Dari **Skrin Utama**, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Google**.
3. Ketik akaun Google™ yang anda mahu selaraskan.
4. Tekan , kemudian, ketik **Selaraskan sekarang**.

### Untuk menyegerakkan aplikasi dengan akaun Google™

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Google**.
3. Ketik akaun Google™ yang anda ingin selaraskan dengannya. Satu senarai aplikasi kelihatan yang boleh disegerakkan dengan akaun Google.
4. Ketik aplikasi yang anda ingin untuk segerakkan dengan akaun Google yang terpilih.

### Untuk menyelaraskan data penyemak imbas web

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Google**.
3. Ketik akaun Google™ yang anda ingin segerakkan bersama, kemudian ketik **Penyemak Imbas Penyelarasan**.

### Untuk mengeluarkan akaun Google™

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Google**.
3. Ketik akaun Google™ yang anda hendak keluarkan dari senarai akaun.
4. Tekan , kemudian ketik **Alih keluar akaun**.
5. Ketik **Alih keluar akaun** sekali lagi untuk mengesahkan.

## Menyelaras e-mel korporat, kalendar dan kenalan anda

Akses mesej e-mel korporat anda, janji temu kalendar dan kenalan secara terus dari peranti anda. Lihat dan uruskannya semudah yang anda mahukan dari komputer.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

Selepas persediaan, anda boleh mendapatkan maklumat dalam aplikasi **E-mel**, **Kalendar** dan **Kenalan** .

! Untuk anda mengakses kefungsian yang diterangkan di atas, maklumat korporat anda mesti disimpan pada pelayan Microsoft® Exchange.

### Untuk menyediakan e-mel, kalendar dan kenalan korporat

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Tambah akaun** > **Exchange ActiveSync**.
3. Masukkan alamat e-mel korporat dan kata laluan anda.
4. Ketik **Seterusnya**. Peranti anda mula mengambil maklumat akaun anda. Jika kegagalan berlaku, hubungi pentadbir rangkaian korporat anda untuk maklumat lanjut.
5. Ketik **OK** untuk membenarkan pelayan korporat anda mengawal peranti anda.
6. Pilih data apa yang anda mahu selaraskan dengan peranti anda, seperti entri kenalan dan kalendar.
7. Jika diingini, aktifkan pentadbir peranti untuk membenarkan pelayan korporat anda mengawal ciri keselamatan tertentu pada peranti anda. Contohnya, anda boleh membenarkan pelayan korporat anda untuk menetapkan peraturan kata laluan dan menetapkan penyulitan storan.
8. Selepas persediaan selesai, masukkan nama untuk akaun korporat.

### Untuk menyunting persediaan e-mel korporat, kalendar dan kenalan

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **E-mel**, kemudian ketik .
3. Ketik **Tetapan** dan pilih akaun korporat.
4. Tukar tetapan yang diinginkan.

### Untuk menetapkan selang penyelarasan untuk akaun korporat

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **E-mel**, kemudian ketik .
3. Ketik **Tetapan** dan pilih akaun korporat.
4. Ketik **Kekerapan semakan peti masuk** dan buat pilihan selang waktu.

### Untuk mengalih keluar akaun korporat

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Exchange ActiveSync**, kemudian pilih akaun korporat.
3. Ketik , kemudian ketik **Alih keluar akaun**.
4. Ketik **Alih keluar akaun** sekali lagi untuk mengesahkan.

## Menyelaras dengan Facebook™

Terdapat dua cara untuk menggunakan Facebook™ pada peranti anda. Anda boleh menggunakan aplikasi Facebook standard untuk mengakses akaun Facebook dalam talian anda atau anda boleh menyelaraskan akaun Facebook anda dengan peranti anda dan berkongsi kandungan antara Facebook™ dan pelbagai aplikasi lain. Contohnya, anda boleh berkongsi muzik dalam aplikasi "WALKMAN" pada peranti anda melalui Facebook. Untuk menyelaraskan peranti anda dengan Facebook, pertama sekali, anda perlu menyediakan akaun "Xperia™ dengan Facebook" — penyelesaian yang dibangunkan oleh Sony untuk mendayakan penyepaduan mudah.

### Untuk menyediakan akaun "Xperia™ dengan Facebook" pada peranti anda

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Tambah akaun** > **Xperia™ dengan Facebook**.
3. Ikuti arahan pada paparan untuk mendaftar masuk ke akaun Facebook™ anda atau buat akaun baru.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk menyelaras secara manual dengan akaun "Xperia™ dengan Facebook"

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Xperia™ dengan Facebook**.
3. Pilih akaun yang anda hendak selaraskan.
4. Tekan , kemudian ketik **Selaraskan sekarang**.

### Untuk mengalih keluar akaun "Xperia™ dengan Facebook"

! Apabila anda mengalih keluar akaun "Xperia™ dengan Facebook" dari peranti anda, akaun Facebook dalam talian yang dikaitkan itu tidak dipadamkan dan anda masih boleh mengaksesnya dari komputer.

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Ketik **Tetapan** > **Xperia™ dengan Facebook**.
3. Pilih akaun yang anda hendak alih keluar.
4. Tekan , kemudian ketik **Alih keluar akaun**.
5. Ketik **Alih keluar akaun** sekali lagi untuk mengesahkan.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Peta dan lokasi

## Mengenai perkhidmatan lokasi

Gunakan peranti anda untuk mengetahui lokasi anda. Terdapat dua cara: GPS dan rangkaian wayarles. Dayakan pilihan rangkaian wayarles jika anda cuma memerlukan lokasi anggaran anda, dan mahukannya dengan cepat. Jika anda mahukan kedudukan yang lebih tepat, dan mempunyai pandangan langit yang jelas, dayakan pilihan GPS. Dalam situasi sambungan rangkaian wayarles lemah, anda perlu mendayakan kedua-dua pilihan untuk memastikan lokasi anda ditemui.

! Sony tidak menjamin ketepatan sebarang perkhidmatan lokasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan navigasi.

## Menggunakan GPS

Peranti anda mempunyai penerima sistem penentudududukan sejagat (GPS) yang menggunakan isyarat satelit untuk mengira lokasi anda.

! Apabila anda menggunakan ciri yang memerlukan penerima GPS mencari lokasi anda, pastikan anda berada di tempat yang tidak terhalang.

### Untuk mendayakan GPS

1. Daripada skrin Rumah anda, ketik  .
2. Ketik **Tetapan** > **Perkhidmatan lokasi**.
3. Tanda kotak semakan **Satelit GPS**.

### Mendapatkan prestasi terbaik

Pada kali pertama anda menggunakan GPS, ia boleh mengambil masa 5 hingga 10 minit untuk lokasi anda ditemui. Untuk membantu carian, pastikan anda mempunyai pandangan langit yang jelas. Berdiri tegak dan jangan lindungi antena GPS (kawasan yang diserlahkan dalam imej). Isyarat GPS boleh melepasti awan dan plastik, tetapi, tidak melalui objek pejal seperti bangunan dan gunung. Jika lokasi anda tidak dijumpai selepas beberapa minit, bergerak ke lokasi lain.






Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

## Google Maps™

Jejaki lokasi semasa anda, lihat situasi trafik masa nyata dan dapatkan arah terperinci ke destinasi anda. Sebelum membuat perjalanan, anda boleh memuat turun dan menyimpan peta ke kad ingatan anda untuk mengelakkan kos perayauan yang tinggi.

! Aplikasi Google Maps™ memerlukan penggunaan sambungan Internet. Anda boleh dikenakan caj sambungan data apabila anda menyambung ke Internet dari peranti anda. Hubungi pengendali rangkaian anda untuk mendapatkan maklumat lanjut. Aplikasi Google Maps™ mungkin tidak tersedia di setiap pasaran, negara atau rantau.

#### Untuk menggunakan Google Maps™

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Peta**.

! Jika anda ingin menggunakan Google Maps™, anda perlu mendayakan salah satu cara lokasi yang tersedia di bawah **Tetapan** > **Perkhidmatan lokasi**.

#### Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Google Maps™

- Apabila anda menggunakan Google Maps™, tekan , kemudian ketik **Bantuan**.

### Melihat lokasi rakan anda dengan Google Latitude™

Sertai Google Latitude™ untuk melihat lokasi rakan anda pada peta dan berkongsi lokasi anda dan maklumat lain dengan mereka.

## Menggunakan Google Maps™ untuk mendapatkan arah

Gunakan aplikasi Google Maps™ untuk mendapatkan arah apabila anda melancong dengan berjalan kaki, pengangkutan awam atau kereta. Anda boleh menambah jalan pintas ke destinasi pada skrin Utama anda untuk mendapatkan arah dengan cepat dari mana-mana anda berada.

Apabila anda melihat peta, anda membuat sambungan Internet dan data dipindahkan ke peranti anda. Jadi ia adalah idea yang baik untuk memuat turun dan menyimpan peta pada peranti anda sebelum anda melancong. Dengan cara ini, anda boleh mengelakkan kos perayauan yang tinggi.

! Sony tidak menjamin ketepatan sebarang perkhidmatan arah.

### Menggunakan aplikasi Navigasi

Gunakan aplikasi Navigasi dalam peranti anda untuk mendapatkan arahan belok demi belok mengenai cara untuk sampai ke destinasi. Arah dituturkan dan dipaparkan pada skrin.

! Aplikasi Navigasi mungkin tidak tersedia dalam setiap pasaran.

#### Untuk memulakan Navigasi

1. Dari skrin Utama anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Navigasi**.

### Menggunakan aplikasi Wisepilot™

Dapatkan arahan suara belok demi belok mengenai bagaimana untuk sampai ke destinasi. Anda juga boleh mengurus perjalanan anda dan berkongsi laluan dan lokasi dengan rakan melalui SMS, Twitter™ atau Facebook™.

! Wisepilot™ mungkin tidak tersedia di setiap pasaran.

#### Untuk memulakan Wisepilot™

1. Dari **Skrin Utama**, ketik .
2. Dapatkan dan ketik **Wisepilot for XPERIA™**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Kalendar dan jam penggera

## Kalendar

Peranti anda mempunyai aplikasi kalendar untuk menguruskan jadual masa anda. Sekiranya anda mempunyai akaun Google™, anda juga boleh menyelaras aplikasi kalendar pada peranti anda dengan kalendar web anda.

### Untuk menetapkan paparan kalendar

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦, kemudian cari dan ketik **Kalendar**.
2 Ketik **Bulan**, **Minggu** atau **Hari** untuk buat pilihan.

### Untuk melihat berbilang kalendar

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦, kemudian cari dan ketik **Kalendar**.
2 Tekan ☰, kemudian ketik **Kalendar saya**.
3 Pilih kalendar yang anda ingin lihat.

### Untuk membuat peristiwa kalendar

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦, kemudian ketik **Kalendar**.
2 Ketik +.
3 Masukkan nama, masa, lokasi dan perihalan untuk peristiwa.
4 Pilih peringatan untuk peristiwa. Untuk menambah peringatan baru bagi peristiwa, ketik +.
5 Jika dikehendaki, ketik **Lagi** dan pilih pilihan lain di bawah **Ulangan**.
6 Ketik **Selesai**.

Apabila masa janji temu menghampiri, peranti anda memainkan bunyi singkat untuk mengingatkan anda. Juga, 31 kelihatan dalam bar status.

### Untuk melihat peristiwa kalendar

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦, kemudian ketik **Kalendar**.
2 Ketik peristiwa yang anda ingin lihat.

### Untuk menukar tetapan kalendar

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦, kemudian ketik **Kalendar**.
2 Tekan ☰, kemudian ketik **Tetapan**.
3 Ketik tetapan yang anda mahu tukar, kemudian sunting sebagaimana yang anda ingini.

## Jam penggera

Gunakan peranti anda sebagai jam penggera dan pilih mana-mana bunyi yang disimpan pada peranti anda sebagai isyarat penggera. Penggera tidak berbunyi jika peranti anda dimatikan. Tetapi ia berbunyi apabila peranti anda ditetapkan pada mod senyap.

### Untuk membuka jam penggera

1 Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2 Cari dan ketik **Penggera & Jam**.

### Untuk menetapkan penggera baru

1 Dari skrin Utama anda, ketik ▦.
2 Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3 Ketik **Tmbh penggera**.
4 Ketik **Masa** dan laraskan masa dengan menatal ke atas dan ke bawah.
5 Ketik **Selesai**.
6 Jika anda mahu, sunting tetapan penggera lain.
7 Ketik **Selesai**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk menyunting penggera sedia ada

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3. Ketik penggera yang anda mahu sunting.
4. Ketik **Masa** dan laraskan masa dengan menatal ke atas dan ke bawah.
5. Ketik **Selesai**.
6. Jika anda mahu, sunting tetapan penggera lain.
7. Ketik **Selesai**.

! Format masa penggera yang dipaparkan adalah sama dengan format yang anda pilih untuk tetapan masa umum anda, sebagai contoh, 12 jam atau 24 jam.

### Untuk menyahaktifkan penggera

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3. Ketik ⏰ sebelah penggera yang anda ingin nyahaktifkan.

### Untuk mengaktifkan penggera sedia ada

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3. Ketik ⏰ di sebelah penggera yang anda ingin aktifkan.

### Untuk memadamkan penggera

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3. Sentuh terus penggera yang anda mahu padamkan.
4. Ketik **Padam penggera**, kemudian ketik **Ya**.

### Untuk menetapkan nada dering untuk penggera

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3. Ketik penggera yang anda mahu sunting.
4. Ketik **Tetapan lanjut penggera** dan nyahtanda kotak semak **Tetapan gaya**.
5. Ketik **Bunyi penggera** dan buat pilihan.
6. Ketik **Selesai**, kemudian ketik **Selesai**.

### Untuk menetapkan penggera berulangan

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3. Ketik penggera yang anda mahu sunting.
4. Ketik **Ulang**.
5. Tandakan kotak semak untuk hari yang diingini, kemudian ketik **OK**.
6. Ketik **Selesai**.

### Untuk menetapkan tajuk untuk penggera

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3. Ketik penggera yang anda mahu sunting.
4. Ketik **Tetapan lanjut penggera**, kemudian ketik medan **Teks penggera** dan masukkan nama untuk penggera.
5. Ketik **Selesai**.

### Untuk mengaktifkan fungsi getaran untuk penggera

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik ▦.
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**.
3. Ketik penggera yang anda mahu sunting.
4. Ketik **Tetapan lanjut penggera**, kemudian tanda kotak semak **Getar**.
5. Ketik **Selesai**.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

### Untuk menetapkan penggera supaya berbunyi semasa peranti dalam mod senyap

1. Dari **Skrin Utama** anda, ketik .
2. Cari dan ketik **Penggera & Jam**, kemudian ketik untuk memilih penggera.
3. Ketik **Tetapan lanjut penggera**, kemudian tandakan kotak semak **P'ggera dlm mod senyap**.
4. Ketik **Selesai**.

### Untuk menidurkan penggera apabila ia berbunyi

- Ketik **Tidur - %s min**.

### Untuk mematikan penggera apabila ia berbunyi

- Luncurkan ke kanan.



Ini ialah versi Internet penerbitan ini. © Cetak hanya untuk kegunaan peribadi.

# Sokongan dan penyelenggaraan

## Mengemas kini peranti anda

Kemas kini peranti anda kepada versi perisian terkini untuk mendapat prestasi yang optimum dan penambahan terkini.

Anda boleh menggunakan aplikasi pusat Kemas Kini pada peranti anda untuk menjalankan kemas kini wayarles atau anda boleh menggunakan aplikasi PC Companion pada komputer untuk menjalankan kemas kini menggunakan sambungan kabel USB. Jika anda mengemas kini secara wayarles, maka anda boleh menggunakan rangkaian mudah alih ataupun sambungan rangkaian Wi-Fi®. Cuma pastikan anda membuat sandaran dan menyimpan semua data yang disimpan pada peranti anda sebelum anda mengemas kini.

! Apabila anda menjalankan kemas kini menggunakan aplikasi pusat Kemas Kini, sambungan data diwujudkan dan bayaran berkaitan mungkin dikenakan. Juga, ketersediaan kemas kini melalui rangkaian mudah alih bergantung pada pengendali anda. Hubungi pengendali rangkaian anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

### Mengemas kini peranti anda secara wayarles

Gunakan aplikasi pusat Kemas Kini untuk mengemas kini peranti anda secara wayarles. Anda boleh memuat turun kemas kini perisian secara manual atau anda boleh membenarkan perkhidmatan Kemas Kini untuk mengemas kini peranti anda secara automatik apabila muat turun tersedia pada bila-bila masa. Apabila ciri kemas kini automatik diaktifkan, pemberitahuan muncul dalam bar status setiap kali kemas kini tersedia.

#### Untuk memuat turun kemas kini perisian secara manual daripada pusat Kemas Kini

1. Daripada skrin Utama anda, ketik ▦ .
2. Cari dan ketik **Pusat Kemas Kini**.
3. Pilih kemas kini aplikasi atau sistem yang diingini dan ketik **Muat turun** atau ketik **K/kni sma** untuk memuat turun semua kemas kini aplikasi.

